

SISTEM KEKELUARGAAN DAN PARKAHWINAN
ORANG ORANG MENDILING KG TERACHI
KUALA PILAH, NEGRI SEMBILAN.

oleh:

MOHAMMED BIN ABD. MALEK

(Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi
syarat syarat Ijazah B.A. (Hons.),
Jabatan Antropologi / Sosiologi
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur
1973)

KANDUNGAN

BAB SAMA - PENDAHULUAN	..	
ISI KANDUNGAN	..	Muka Surat
SENARAI RAJAH DAN GAMBAR	..	iii
PENGHARGAAN	..	iv
PENGENALAN	..	1
A. TUJUAN KAJIAN	..	1
B. KENYATAAN MASAALAH	..	2
C. CARA KAJIAN DAN KESULITAN	..	3
D. LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN	..	5
 BAB SATU - BIDANG KONSEP DAN TIORI		 17
A. KEKELIJARGAAN DAN KETURUNAN	..	17
B. PRINSIP-PRINSIP KETURUNAN	..	21
C. PERKAHWINAN	..	28
D. BENTUK PERKAHWINAN	..	34
 BAB DUA - STRUKTUR KEKELIJARGAAN MASYARAKAT MENDILING		 37
A. PRINSIP KEKELIJARGAAN	..	37
B. KINSHIP KATEGORI	..	43
 BAB TIGA - KELUARGA DAN RUMAH TANGGA		 49
A. STRUKTUR KELUARGA	..	49
B. JENIS RUMAH TANGGA	..	50
C. HUBUNGAN ANTARA AHLI-AHLI KELUARGA	..	53

MUKA SURAT

BAB EMPAT - PERKAHWINAN JODOH DAN SEKATNYA	63
A. FUNGSI PERKAHWINAN BAGI ORANG-ORANG MENDILING	63
B. BENTUK PERKAHWINAN	64
C. PEMILIHAN JODOH DAN SEKATANNYA	66
D. ASAS PEMILIHAN JODOH	69
E. UMUR DAN KEKERAPAN KAHWIN	72
F. UPACARA PERKAHWINAN	73
 BAB LIMA - PENGERAIAN	82
A. SEBAB KURANG PENGERAIAN	82
B. AKIBAT PENGERAIAN	85
 BAB ENAM - KESIMPULAN	90
 BILIOGRAFI	101
PETA KAWASAN	
DAFTAR MUSIK DAN PANGGILAN KISARAN	
DAFTAR BIL	

PENGHARGAAN
SENARAI RAJAH DAN GAMBAR

Saya ingin mengetahui di sini rasa penghargaan dan		Muka Surat
1.	GAMBAR RUMAH DAN KELUARGA ..	
2.	RAJAH I - KETURUNAN NISAB IBU ..	22
3.	RAJAH II - SISTEM PERUT ..	23
4.	RAJAH III - KETURUNAN NISAB BAPA ..	24
5.	RAJAH IV - KETURUNAN BILATERAL ..	25
6.	RAJAH V - PERHUBUNGAN DALAM SISTEM BILATERAL ..	26
7.	RAJAH VI - KETURUNAN DOUBLE DESCENT..	27
8.	RAJAH VII - KETURUNAN DOUBLE DESCENT..	28
9.	RAJAH VIII - SISTEM NISAB BAPA ..	38
10.	RAJAH IX - ISTILAH RUJUKAN ADIK BERADIK	44
11.	RAJAH X - ISTILAH PANGGILAN ADIK BERADIK	44
12.	RAJAH XI - ISTILAH RUJUKAN SAUDARA SEBELAH BAPA	45
13.	RAJAH XII - ISTILAH PANGGILAN ADIK BERADIK BAPA	45
14.	RAJAH XIII - ISTILAH RUJUKAN/PANGGILAN UNTUK ADIK BERADIK IBU ..	46
15.	RAJAH XIV - ISTILAH RUJUKAN DAN PANGGILAN KERABAT MELALUI PERKAHWINAN ..	47/48
16.	RAJAH XV - JENIS RUMAH/TANGGA ..	51
17.	RAJAH XVI - BENTUK PERKAHWINAN ..	65
18.	RAJAH XVII - PERKAHWINAN YANG DIGALAKKAN	70

PENGHARGAAN

Saya ingin mencatatkan di sini rasa penghargaan dan terima kasih saya kepada Cik Azizah Kassim, Pensyarah Jabatan Antropologi/Sosiologi yang telah menjadi Penyelia saya dalam kajian ini. Nasihat dan teguran yang diberikan sangatlah saya hargai kerana nasihat-nasihat itu telah membantu saya dalam penulisan latihan ilmiah ini.

.....

Kepada Encik Fahimin Rejab, Penolong Pegawai Daerah Kuala Pilah saya ucapkan berbanyak terimakasih atas kerjasama beliau semasa menjalankan kajian saya ini. Daripada beliaulah banyak butir-butir mengenai masyarakat yang dikaji itu saya perolehi, terutamanya tentang kawasan dan pemilikan tanah.

Jika hendak disebut satu persatu orang yang telah membantu saya dalam ruangan ini tidaklah mungkin. Oleh itu saya ambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih kepada Encik Saad, Ketua Kampung Terachi, Encik Aminudin Ketua Kampung bagi orang-orang Mendiling, Tuan Kadi Kuala Pilah serta semua orang-orang yang telah bekerjasama dengan saya dalam menjalankan kajian ini.

Universiti Malaya,
Lembah Pantai,
KUALA LUMPUR.
1973.

Mohammed bin Ab. Malek

PENGENALAN

Adalah merupakan nota suggesen umum bahawa negara masyarakat

A. TUJUAN KAJIAN di Negeri Sembilan itu merupakan masyarakat yang kecil dan merupakan anggota-anggotanya melalui nisab ibu. Sedikit Kajian ini adalah merupakan satu 'case study' mengenai sistem kekeluargaan nisab bapa sebagai satu cara menyusun dan mengatur anggota masyarakat. Selain dari itu kajian ini juga merupakan satu huraian dan penganalisaan terhadap struktur dan organisasi sistem kekeluargaan nisab bapa. Kajian ini juga adalah merupakan satu tinjauan bagi melihat hubungan sosial dan adat istiadat yang diamalkan bagi mengukuhkan lagi perpaduan anggota-anggota masyarakat itu.

Orang kerana orang-orang Mendiling ini sedikit bilangannya dan merupakan satu masyarakat yang kecil, dengan adanya kajian ini maka dapatlah diketahui sejauh manakah masyarakat ini dikatakan masyarakat yang bertutup. Dengan tempat asalnya, Dr. Raja Ali

"Matriarchal Marriage among the Negri Sembilan Malays" Selain dari itu kajian ini juga adalah untuk memperlihatkan upacara-upacara yang diamalkan di mana ada bedanya dengan masyarakat Melayu di tempat itu. Dengan yang demikian maka dapatlah diketahui nilai-nilai anggota masyarakat ini supaya dapat kelak disesuaikan bagi meluaskan hubungan diantara orang Melayu tempatan dengan anggota masyarakat kecil yang terasing ini. Selain orang-orang Mendiling ini

tidak boleh dilupakan bahawa ini pada kala tidak bersamaan dengan orang-orang tempatan. Maka masyarakat sebagai nota masyarakat yang ujus tidak dikenali oleh orang di Negeri Sembilan.

Notihon ikhlas ini merupakan satu langkah untuk menyatakan

B. KENYATAAN MASAALAH

Adalah merupakan satu anggapan umum bahawa segala masyarakat Melayu yang terdapat di Negeri Sembilan itu merupakan masyarakat yang mengatur dan menyusun anggota-anggotanya melalui nisab ibu. Sedikit sangat pengetahuan ataupun kajian yang diperolehi tentang masyarakat masyarakat kecil yang terdapat di Negeri Sembilan seperti masyarakat Jawa dan Mendiling. Malahan tiada langsung kajian yang dibuat tentang sistem kekeluargaan orang-orang Mendiling. Adapun kajian yang dibuat oleh sarjana-sarjana adalah merupakan kajian-kajian mengenai masyarakat matrilineal sahaja. M.G. Swift ada membuat kajian mengenai masyarakat tani di Jelebu dalam bukunya 'Malay Pesant Society in Jelebu' dalam tahun 1965. Kajian beliau meliputi semua aspek tentang masyarakat yang mengikut sistem nisab ibu. Begitu juga Jossolin de Jong mengkaji masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan sebagai satu 'comparative study' dengan tempat asalnya. Dr. Kahar Bador tahun 1963 dalam tesisnya "Marriage among the Negeri Sembilan Malays" adalah merupakan satu kajian mengenai sistem perkahwinan di kalangan masyarakat Melayu yang mengikut nisab ibu.

Sehingga ini masih belum ada kajian yang luas dan mendalam tentang sistem kekeluargaan masyarakat-masyarakat kecil di Negeri Sembilan. Satu daripada sebabnya adalah orang-orang Mendiling ini tidak ramai bilangannya dan mereka ini pula tidak bercampur gaul dengan orang-orang tempatan. Identiti mereka sebagai satu masyarakat yang ujud tidak diketahui oleh orang di Negeri Sembilan.

Latihan ilmiah ini merupakan satu langkah untuk mengatasi kekurangan kajian mengenai masyarakat-masyarakat kecil ini lebih-lebihnya masyarakat Mendiling di Kampung Baru Lanjut Manis Terachi. Beliau ingin diteliti dengan cara terperinci dengan perhatikan Sejauh manakah masyarakat di kampung itu merupakan masyarakat yang bertutup ? Adakah anggota-anggota masyarakat itu mengamalkan perkahwinan yang endogamy ? Adakah sanction-sanction tertentu dikenakan kepada anggota yang kahwin dengan orang luar ? Adakah mereka itu benar-benar mengikut sistem nisab bapa ?

Apakah sebab-sebab kurangnya perhubungan anggota-anggota masyarakat ini dengan orang Melayu yang berhampiran ? Mungkinkah ini kerana perasaan rendah diri mereka kerana kesedaran bahawa mereka adalah kaum mendatang ? Orang-orang di kampung itu mengasingkan diri kerana hendak mengekalkan identiti mereka ? Adakah orang-orang dalam masyarakat itu fanatic terhadap ugama sehingga mengenakan sanction terhadap orang-orang yang tidak sembahyang ? Adakah norma-norma dan nilai-nilai yang diikuti untuk mengekalkan perpaduan sosial ? Bagaimana upacara perkahwinan dijalankan ? Apa pula kadar pencerai dan kaitannya dengan sistem sosial di situ ?

C. CARA KAJIAN DAN KESULITAN

Bahan untuk latihan ilmiah ini banyak dikumpulkan dari field-work yang dijalankan di Kampung Baru Lanjut Manis. Fieldwork ini dijalankan pada masa cuti panjang Universiti Malaya iaitu dari bulan Februari hingga Mei tahun 1973. Ini ditambah pula dengan lawatan kem-

bali pada masa menulis kajian dan juga pada masa cuti penggal pertama
saiz untuk beberapa hari sebelum balik ke rumah di kampung itu. Jika
universiti.

Mereka tidak tinggal di situ, mereka akan balik waktu senja. Begitu-

Bahan-bahan didapati dengan cara temuramah dengan penduduk-
penduduk. Selain dari itu bahan-bahan didapati dengan pendekatan
cara penyertaan pemerhatian. Bengan yang demikian penulis ikut serta
dalam kegiatan masyarakat itu.

Terdapat beberapa kesulitan dalam usaha mengumpulkan bahan-
bahan itu. Satu dari kesulitan yang dihadapi ialah bahasa. Mereka
menggunakan bahasa mereka sendiri bila bertutur diantara mereka dan
pengetahuan tentang bahasa Melayu adalah terhad. Hal ini ketara di
kalangan golongan tua dan ini menyebabkan mereka kurang faham soalan-
soalan yang dikemukakan kepada mereka. Orang-orang perempuan pula
malu hendak bercakap atau menjawab bila ditanya atau ditemuduga.

Mereka ini samada diam atau memberikan jawapan yang negatif. Selain
dari malu orang-orang perempuan itu takut memberi jawapan kepada se-
tengah soalan. Misalannya soalan mengenai pilihan suami samada mereka
setuju atau tidak, tiada jawapan-jawapan diberikan. Oleh itu segala
bahan-bahan terpaksa diperolehi dari pihak lelaki. Orang lelaki pula
susah hendak ditemui, kerana orang-orang di situ sangat rajin bekerja.
Ada kalanya dalam membuat kajian ini, bila sipengkaji pergi ke kampung
itu didapati tiada seorangpun lelaki dan perempuan yang dewasa berada
di rumah. Mereka ini telah keluar, silelaki pergi ke kebun dan yang
perempuan ke bandar Kuala Pilah menjual sayur-sayuran. Bagi orang
lelaki mereka pergi ke kebun di Langkap dan ada pula yang tinggal di

situ untuk beberapa hari sebelum balik ke rumah di kampung itu. Jika mereka tidak tinggal di situ, mereka akan balik waktu senja. Begitulah jadual mereka tiap-tiap hari. Orang-orang yang berulang alik tiap hari dapat juga ditemui waktu senja dan malam tetapi pada orang-orang yang tinggal di Langkap bekerja dan balik ke rumah hanya untuk sehari dua jarang ditemui. Orang-orang ini dapat ditemui pada hari perayaan tertentu di mana semua anggota masyarakat tidak bekerja. Hanya pada perayaan Maulud Nabi dan mandi safar orang-orang yang tidak selalu berada di kampung itu dapat ditemui.

Sifat kerajinan orang-orang di situ dapat dilihat pada kanak-kanak juga. Mereka juga ikut serta ibubapa, abang dan kakak ke sawah dan ke kebun. Perasaan malu tidak terdapat di kalangan mereka. Ini dapat disaksikan dalam usaha mereka menjual sayur-sayuran di pasar-pasar minggu dan di bandar Kuala Pilah. Oleh hal demikian susah hendak mendapati orang-orang di situ duduk membuang masa di kedai atau berkumpul di satu tempat berbual-bual. Dalam temuduga yang dijalankan selalunya respondent didapati selepas sembahyang zuhur atau sedang bekerja di halaman rumah.

D. LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

Negeri Sembilan dibahagikan kepada enam kawasan pentadbiran atau daerah dan tiap-tiap daerah ditadbirkan oleh seorang Pegawai Daerah. Tiap-tiap satu daerah pula dibahagi-bahagikan kepada beberapa

mukim yang dikelolakan oleh seorang penghulu. Kampung Baru Lanjut Manis ialah sebuah kampung di mukim Terachi di daerah Kuala Pilah. Dari segi pentadbiran tradisional mukim Terachi adalah di bawah naungan Datuk Terachi yang dilantik oleh Lembaga-Lembaga di mukim itu.

Kampung Baru Lanjut Manis itu terletak lebih kurang 1 batu dari jalan raya Seremban ke Kuala Pilah. Dari Kuala Pilah kampung itu adalah lebih kurang 7 batu. Oleh itu bandar yang hampir sekali ialah Kuala Pilah. Kawasan kampung itu ialah seluas 28 ekar dan letaknya pada sebelah timur sekali iaitu merupakan kampung yang penghabisan. Oleh hal yang demikian untuk pergi ke kampung itu seseorang terpaksa melalui sawah dan kampung orang Melayu Terachi. Di kampung itu hanya terdapat pokok kelapa dan buah-buahan sahaja. Di kawasan 28 ekar inilah terdapat 47 buah rumah, orang-orang Mendiling Kampung Baru Lanjut Manis. Dari 47 buah rumah ini terdapat jumlah penduduk seramai 217 orang. (1)

1. SEJARAH⁽²⁾

Anggota-anggota masyarakat yang terdapat di Kampung Baru Lanjut Manis terdiri dari suku bangsa Mendiling. Orang-orang ini berasal dari Sumatra Utara di daerah Tapamuli dan kawasan-kawasan yang

(1) Banci amil Kampung Baru Lanjut Manis tahun 1972.

(2) Keterangan dari Encik Aminudin, Ketua Kampung bagi orang-orang Mendiling.

berdekatan seperti Padang Sidinpuan, Rokan, Bilah dan Tangga Besi.

Dengan yang demikian maka anggota masyarakat di kampung itu tidaklah berasal dari satu kawasan atau kampung tertentu. Mengikut informan kedatangan mereka ke sini bukanlah untuk mencari harta akan tetapi mengikut seorang alim ulama yang bernama Tuan Sheikh Ahmad. Tarikh mula Tuan Sheikh Ahmad sampai ke Tanah Melayu tidak dapat dipastikan kerana orang-orang di kampung itu datang setelah Tuan Sheikh Ahmad berada di sini. Oleh kerana adanya pergolakan politik dan ugama di Sumatra dan timbulnya berbagai fahaman dan golongan ulama maka Tuan Sheikh Ahmad berpindah ke Tanah Melayu untuk mendapat ketenangan. Untuk mencari jalan keluar supaya dapat mengelakkan perselisihan yang sengit Tuan Sheikh Ahmad berhijrah ke Malaysia (dulunya Persekutuan Tanah Melayu) diikuti oleh pengikut-pengikutnya. Beliau mendarat di Pulau Pinang dan kemudian merantau ke Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Oleh sebab itu maka terdapatlah kelompok sukubangsa Mendiling di Perak dan juga di Selangor.

Di Negeri Sembilan orang-orang itu mula menetap di Langkap pada tahun 1918. Waktu mereka mula-mula menetap di Langkap terdapat hanya 40 orang termasuk lelaki dan perempuan. Setelah mendapat tempat yang kekal maka ramai lagi yang datang. Oleh itu kedatangan orang-orang ini adalah berperingkat-peringkat. Pemilihan tempat di Langkap itu adalah dipersetujui oleh peneroka yang awal termasuk Tuan Sheikh Ahmad. Tambahan pula pada masa itu hanya kawasan di Langkap sahajalah yang boleh diberikan oleh Kerajaan sebagai tempat tinggal

yang tetap. Langkap terletak jauh dipendalamannya lebih kurang 4 batu dari jalanraya Seremban-Kuala Pilah dan kampung orang Melayu dan perkara ini membuat orang-orang Mendiling itu terasing dari orang Melayu.

Pada tahun 1927 setelah bertambahnya bilangan penduduk disebabkan oleh migrasi dari Sumatra dan juga oleh proses kelahiran maka berpindahlah setengah daripada mereka terutamanya orang-orang yang telah lama berhijrah ke daerah Jelebu di Kampung Penagu (lihat peta). Dengan yang demikian terdapat dua kawasan bagi orang-orang Mendiling ini. Hubungan yang rapat diantara orang-orang kedua kawasan ini terdapat sehingga masa ini. Hubungan ini dipereratkan lagi melalui perkahwinan diantara anggota-anggota kedua kawasan tersebut. Pada zaman darurat dalam tahun 1953 orang-orang itu terpaksa dipindahkan ke tempat lain. Mereka dibenarkan memilih kawasan baru untuk dijadikan perkampungan dan dengan persetujuan ramai mereka memilih Kampung Baru Lanjut Manis. Kampung Baru Lanjut Manis ini adalah lebih kurang 4 batu setengah dari Langkap. Pada mulanya mengikut informan orang-orang Melayu di situ menunjukkan sikap dingin terhadap orang-orang Mendiling ini kerana pada sangkaan mereka (Melayu) tanah kampung itu diberi percuma. Tanah kampung itu dibayar kerana mengikut informan telah dipersetujui oleh anggota masyarakat itu membayar tanah kampung dan mengekalkan hak milik mereka di Langkap. Itulah sebabnya sebahagian kawasan di Langkap masih dipunyai oleh anggota masyarakat itu.

Dalam perpindahan itu didapati 25 buah keluarga yang berjumlah seramai 137 orang. Tiap-tiap satu keluarga dihadkan satu ekar tanah

sahaja. Pada mulanya luas kawasan ialah 25 ekar tetapi kemudian datang lagi 3 buah keluarga dan tiap-tiap satu diberi seekar dan ini menjadikan luas kawasan kampung itu 28 ekar.⁽³⁾ Tanah di Kampung Baru Lanjut Manis adalah kawasan kampung dan yang di Langkap ialah untuk kebun dan dusun buah-buahan dan juga sedikit tanah sawah.

2. MASYARAKAT

Orang-orang Mendiling di Kampung Baru Lanjut Manis merupakan satu masyarakat kecil yang terasing dari orang Melayu di Terachi. Oleh itu mereka itu merupakan satu komuniti yang terasing dari masyarakat Melayu Terachi. Anggota masyarakat tiada ramai hanya 217 orang dan mereka tinggal di satu kawasan yang tertentu. Oleh itu hubungan persempuaan di kalangan anggota-anggota masyarakat nyata dan mereka mempunyai perasaan esprit de corps yang teguh. Mereka kenal diantara satu sama lain.

Hubungan rapat diantara anggota dalam masyarakat itu diperkuatkan lagi dengan amalan dan ritual-ritual yang diadakan. Perkara ini dapat disaksikan apabila orang-orang di situ menyambut perayaan Maulud Nabi, satu perayaan yang disambut tiap-tiap tahun. Bila perayaan ini diadakan selama tiga malam berturut-turut semua anggota masyarakat berkumpul di surau pada ketiga-tiga malam untuk mendengar syarahan dan puji-pujian bagi Nabi Muhammad s.a.w. Selain dari itu hubungan

(3) Pejabat Tanah Kuala Pilah.

rapat diantara anggota ialah disebabkan pertalian melalui kekeluargaan dan perkahwinan. Tiap-tiap anggota masyarakat dihubungkan dengan yang lain-lainnya samada melalui pertalian kekeluargaan dan persemedaan.

Norma dan sanction yang diamalkan oleh orang-orang dalam masyarakat itu adalah berpandukan kepada ugama. Pemuda-pemudi tidak dibenarkan bergaul dengan bebas. Semasa kajian ini dijalankan tiada sekalipun saya dapat pemuda-pemuda bercakap dengan pemudi baik secara beramai-ramai maupun berdua-duaan. Orang-orang perempuan semuanya memakai selendang di rumah dan juga di luar rumah. Kanak-kanak perempuan dari usur sebelas tahun sudah mula memakai selendang. Pemudi-pemudi di dalam masyarakat itu semuanya pemalu. Mereka tiada yang berani menunjukkan muka bila saya berada di halaman rumah mereka. Oleh sebab norma dan sanction itu maka telah menjadi kebiasaan kepada mereka malu hendak bertemu atau bercakap dengan pemuda atau orang luar.

Upacara-upacara dijalankan adalah upacara yang berunsur keugamaan. Satu upacara yang sempat disaksikan semasa kajian dijalankan ialah menyambut temasya mandi safar. Kepada mereka temasya mandi safar adalah suatu upacara di mana mereka berdoa supaya dijauhkan dari nala petaka. Oleh hal yang demikian pada hari temasya itu semua anggota masyarakat berkumpul di halaman surau (surau kecil tidak boleh menampung semua anggota masyarakat). Setelah semua orang di kampung itu hadir bilal pun membaca azan diikuti dengan doa selamat. Selepas itu semua yang hadir pergi ke sungai mandi berlimau iaitu limau yang telah dijampikan. Selesai upacara mandi manda mereka berkumpul semula terus

mengelilingi kampung itu sambil berzanji. Upacara itu berakhiri di halaman surau di mana anggota yang hadir dijamu dengan jamuan ringan. Sebagai mengakhiri upacara itu mereka yang hadir berzikir dan diikuti dengan doa selamat. Mengikut informan upacara mengelilingi kampung serta berzanji dan doa selamat adalah untuk melindungi kampung itu dari mala petaka.

Selain dari temasya menyambut mandi safar orang-orang di situ selalu mengadakan kenduri kekah bagi kanak-kanak yang baru dilahirkan. Sambil kenduri kekah diadakan juga istiadat mencukur rambut. Pada hari itu para jemputan duduk beramai-ramai serta bernarhaban. Istiadat mencukur rambut itu adalah sebagai istiadat tambahan untuk menyertakan kenduri kekah yang diutamakan. Diupacara ini dapat disaksikan "segregation" diantara sex dan umur. Orang lelaki duduk di serambi dan orang perempuan dibahagian dalam. Kanak-kanak dan pemuda tidak campur langsung dalam upacara itu. Waktu makan tiap-tiap para jemputan dihidangkan hidangan nasi dan lauk-pauk sehidangan bagi tiap-tiap seorang. Ini dilakukan kerana mengikut informan ada setengah-setengah orang tidak suka makan bersama dengan orang lain. Oleh itu cara menjamu tetamu dijalankan berperingkat-peringkat, iaitu orang tua-tua makan dahulu, pemuda dan kanak-kanak kemudian. Orang-orang yang telah datang lebih awal untuk menolong masak memasak dibekalkan dengan masakan yang telah dimasak untuk dibawa balik walaupun orang itu akan datang kembali untuk upacara yang akan diadakan.

3. CORAK PIMPINAN

Di kalangan orang-orang Mendiling di kampung Baru Lanjut Manis tidak terdapat corak pimpinan yang tradisional. Ini adalah kerana sistem suku itu tidak diikuti lagi oleh orang-orang ini. (lihat bab 3). Oleh kerana orang-orang ini satu puak yang berlainan dari orang Melayu tempatan maka mereka ada satu jawatankuasa kampung mereka sendiri. Ahli jawatankuasa itu terdiri dari seorang ketua kampung, dan seorang setiausaha dan beberapa orang ahli jawatankuasa biasa. Jawatan ketua kampung itu tidaklah turun temurun akan tetapi dilantik mengikut suara ramai. Ketua kampung yang terdapat sekarang ialah Encik Aminudin. Beliaulah bertanggungjawab keatas kesejahteraan anggota masyarakat. Ketua kampung ini juga adalah orang perantaraan diantara pihak masyarakat dengan pihak berkuasa. Beliau disegani dan dihormati oleh anggota-anggota masyarakat. Dengan tanggungjawab yang diletakkan keatasnya ketua kampung itu juga adalah seolah-oleh ketua orang-orang Mendiling di kampung itu. Ahli jawatankuasa lain itu membantu ketua kampung dalam urusan yang berhubung dengan pihak berkuasa.

4. BENTUK RUMAH

Pada keseluruhannya rumah-rumah di kampung itu dibina serentak ketika orang-orang Mendiling ini pindah ke situ dari Langkap. Oleh sebab itu kebanyakan bentuk rumah adalah sama. Sungguhpun demikian terdapat beberapa buah rumah yang berbentuk lain dari yang asal kerana dibina kemudian. Jadi di kampung itu terdapat dua jenis rumah iaitu :-

- (a) bentuk limas

organisasi pengeluaran adalah suah, alat-alat yang digunakan ber-

(b) bukan bentuk limas

bentuk lase dan kecil serta banyak menggunakan tenaga manusia.

Pada rumah jenis pertama terdapat bentuk berserambi serta anjung dan ada yang berserambi sahaja. Bilangan bentuk rumah ini, sehingga kajian sangat kecil iaitu enam buah sahaja. Bilangan yang besar adalah rumah yang berbentuk ringkas di mana terdapat induk rumah dengan anak rumah sahaja. Rumah bentuk limas ini terdapat keadaan di mana anjung bertentangan dengan pintu masuk ke bahagian dalam dan juga pintu ke anak rumah. Kedudukan pintu dari serambi ke bahagian dalam dan dapur juga bertentangan bagi rumah yang berserambi tetapi tidak beranjung.

~~Kedua-dua rumah jenis kedua simple sahaja iaitu terdapat bahagian induk rumah dan anak rumah. Pintu naik ke rumah bertentangan dengan pintu masuk ke dapur dari induk rumah. Bahagian induk rumah dibahagi dua, satu dijadikan bilik untuk mereka. Pada keseluruhannya tiap-tiap rumah hanya ada satu bilik sahaja. Tiap-tiap bilik pula terletak ke arah matahari terbit, kerana kedudukan rumah itu dirancangkan supaya bilik dibuat di arah matahari terbit. Mengikut informan mereka sembahyang di luar bilik oleh itu jika bilik letaknya ke arah matahari turun mereka akan menghadap bilik tidur bila sembahyang. Keadaan ini mengikut mereka adalah tidak berapa baik.~~

5. EKONOMI

~~Lokasi mereka dan warganegara sekitar juga sama. Bagi seorang bekas~~

~~ketua sekolah dan warganegara sekitar gatal. Gatal akhir punya~~

Kegiatan ekonomi yang utama ialah pertanian yang masih lagi menggunakan teknik pertanian tradisional dengan erti bahawa seperti sayur-sayuran. Sesetengah hasil-hasil itu di jual sehari

organisasi pengeluaran adalah mudah, alata-alat yang digunakan berbentuk lama dan kecil serta banyak menggunakan tenaga manusia. Dalam mengerjakan sawah anggota-anggota dari masyarakat ini kebanyakan menyewa tanah orang Melayu tempatan. Mereka tidak ada mempunyai tanah sawah. Penghasilan hanya untuk kegunaan sendiri dengan lebihan yang sedikit. Tenaga buruh selalunya adalah dari keluarga sendiri dan kurang sekali menggunakan tenaga yang disewa. Bagi tenaga yang lebih dari keluarga rumah tangga selalunya didapati melalui institusi gotong royong, dimana keluarga yang memerlukan bantuan tenaga itu menjemput jiran-jiran yang dekat rumah dan dekat hubungan kekeluargaan menolongnya membuat kerja. Pertolongan tidak dibayar upah, yang membantu dijamu dengan makanan. Namun begitu orang-orang yang meminta pertolongan mempunyai tanggungjawab pula untuk menolong orang-orang lain yang sudah menolongnya. Hubungan tindak balas ini menentukan supaya seorang yang ditolong itu menolong orang lain pula jika tidak pada masa hadapan orang tidak akan menolongnya.

Pemilikan tanah di sana dapat dikatakan kecil, umumnya melalui rancangan kerajaan. Ada didapati seramai duapuluh keluarga yang sedang mengerjakan tanah rancangan tanah kerajaan di Langkap. Tiap-tiap satu keluarga memiliki tiga ekar tanah kebun getah, setengah ekar tanah kampung dan seekar lagi dusun. Bagi menambahkan lagi pendapatan dan wang mereka menorih getah. Getah adalah punca utama untuk mendapatkan wang bagi membeli keperluan yang lain dari beras. Selain dari itu mereka juga menjual hasil tanaman di kebun seperti sayur-sayuran. Mereka menjual hasil-hasil itu di pekan sehari

GAMBAR HENTUK RUMAH



BENTUK RUMAH DI KAMPUNG BARU
LANJUT MANIS



KEDADAAN DI KAMPUNG BARU
LANJUT MANIS

di Tanjung Ipoh pada hari Ahad dan juga di bandar Kuala Pilah.

Golongan yang terlibat dalam usaha pekerjaan getah bukan sahaja orang-orang dewasa lelaki perempuan bahkan kanak-kanak dan pemuda-pemuda. Disamping usaha pertanian padi dan getah yang telah disebutkan didapati juga kegiatan lain yang kecil-kecilan seperti nenternak ayam, itik, lembu, kambing dan kerbau. Binatang-binatang ini tidak dibela secara besar-besaran untuk dijual akan tetapi untuk kegunaan sendiri.

Satu aspek lagi ialah kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan tanah atau pertanian. Kerja-kerja ini adalah hasil dari perkembangan pelajaran dan juga pengaruh dari campur gaul dengan orang di luar.

Bilangan penduduk yang termasuk ke dalam golongan ini tidak banyak.

Mengikut informan saya didapati 4 orang sudah kerja makan gaji di Kuala Lumpur, tempat dan jenis kerja tidak diketahui. Selain dari yang empat itu terdapat seorang anggota tentera yang sekarang bertugas di Sarawak dan seorang lagi bekerja sebagai buruh dengan Jabatan Ukur. Dalam perkembangan pelajaran untuk mendapatkan kerja didapati dua orang pemuda sedang mengikuti kursus di India diatas biayaan Kerajaan Negeri. Mereka ini merupakan orang-orang yang penting dalam masyarakat yang sedang membangun.

Hubungan biologi tidak dipentingkan dalam kekeluargaan, yang dipentingkan ialah hubungan se-BAB 1

**kinship is simply the relations between kin i.e. person
BIDANG TICRI DAN KONSEP
related by real, putative or fictive consanguinity. (2)*

A. KEKELUARGAAN DAN KETURUNAN

Kedudukan atau status seseorang dalam masyarakat simple adalah ascribed.⁽¹⁾ Ini adalah satu cara bagi menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat itu, tugas dan hak keatas harta bergantung kepada hubungan kekeluargaan dengan ahli-ahli yang lain. Jadi dalam masyarakat yang begini segala hubungan diantara anggota-anggotanya adalah melalui kekeluargaan dan keanggotaan mereka ditentukan oleh keturunan.

Istilah kekeluargaan atau kekerabatan dan keturunan ini biasa sangat digunakan akan tetapi perbedaan antara kedua istilah ini jarang sekali dijelaskan. Kekeluargaan ialah ikatan-ikatan yang timbul hasil dari perhubungan darah dan perkahwinan atau persemedaan. Orang-orang dalam satu keluarga ialah mereka yang ada hubungan diantara satu sama lain melalui :-

- (a) hubungan darah tulen atau anggapan adanya bila
hubungan darah; sebagai;
- (b) persemedaan. social group of either nature or condition;

(1) L. Mair, An Introduction to Social Anthropology m.s. 9.
Oxford University Press, 1968.

(2) R. Fox - England. Penguin Books Ltd.

Hubungan biologi tidak dipentingkan dalam kekeluargaan, yang dipentingkan ialah hubungan sosial. (3)

'Kinship is simply the relations between kin i.e. person related by real, putative or fictive consanguity.' (2)

Dari definisi di atas kekeluargaan hanyalah merupakan hubungan diantara kin melalui perhubungan benar (sedarah) atau anggapan adanya hubungan. Hubungan keluarga itu ada walaupun ia hanya satu anggapan asalkan diterima oleh masyarakat itu. Anak angkat diiktiraf sebagai anggota keluarga setelah melalui upacara tertentu (jika ada) dan diakui oleh seluruh anggota masyarakat itu. Sungguhpun Fox tidak menentukan hubungan persemedaan tetapi hubungan persemedaan itu tetap dianggap hubungan kekeluargaan.

Keturunan ialah hubungan darah dan anggapan adanya hubungan darah. Oleh itu keturunan menentukan keanggotaan seseorang itu ke dalam satu-satu keluarga. Umpamanya di mana dua individu yang ada hubungan darah dan salah seorang daripadanya adalah dari keturunan yang seorang lagi seperti hubungan cucu dengan datuk atau kedua-duanya berketurunan dari nenek moyang sama. Diantara sarjana-sarjana yang mula-mula mendefinisikan keturunan ialah Rivers. Mengikut beliau definisi keturunan dari segi teknikalnya sebagai,

"as membership of social group of either mother or father, and this distinguished succession as transmission of rank or from

(2) R. Fox - Kinship and Marriage m.s. 33. Penguin Book Ltd. England. 1967.

inheritance as transmission of property. (3)

Rivers menekankan keturunan sebagai keanggotaan seseorang ke dalam satu kumpulan sosial ibu atau bapa. Ini dapat dijelaskan melalui 'succession' sebagai satu saluran mewarisi jawatan atau status atau melalui inheritance sebagai saluran mewarisi harta.

Redcliffe Brown mengatakan bahawa keturunan adalah hubungan sosial diantara ibu bapa dan anak tetapi bukan hubungan zahir⁽⁴⁾. Beliau bukan sahaja mementingkan hubungan darah akan tetapi menekankan hubungan sosial anggota-anggota dalam keluarga itu.

Istilah kekeluargaan dan keturunan tidak dapat dipisahkan bila membicarakan tentang sistem kekeluargaan satu-satu masyarakat. Perbedaan diantara kedua istilah itu ialah bahawa konsep kekeluargaan lebih luas meliputi hubungan persemedaan manakala keturunan hanya meliputi hubungan darah sahaja.

1) Fungsi Kekeluargaan

Kekeluargaan dalam masyarakat 'simple' merupakan asas bagi semua perbuatan dalam masyarakat itu. Kekeluargaan menentukan status, tugas, hak dan tanggungjawab dalam hubungan individu dengan

(3) L. Mair - op. cit. m.s. 26.

(4) R. Brown, African System of Kinship and Marriage m.s. 73. London. Oxford University Press. 1967.

anggota-anggota lain dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian kekeluargaan dalam masyarakat simple meliputi semua bidang hidup. Kekeluargaan selain dari menentukan hak dan tanggungjawab ada fungsi-fungsi tertentu dalam masyarakat. Antara lain terdapat fungsi kekeluargaan di bidang sosial, saikologikal, ekonomik, politik dan ugama. Perlakuan sex oleh anggota-anggota masyarakat ditentukan oleh kekeluargaan. Keinginan sex disalurkan melalui institusi-institusi tertentu seperti perkahwinan. Dari institusi inilah maka terbentuknya keluarga. Anak-anak pula perlu jagaan kerana manusia sebagai mammalia melahirkan bayi-bayi yang lemah.

Dari segi saikologi, manusia terpaksa bergantung kepada orang lain, tidak boleh hidup bersendirian. Oleh itu keluarga perlu supaya manusia dapat hidup berkelompok sebagai memenuhi naluri semulajadinya. Selain dari itu kekeluargaan dan keluarga adalah 'agent' sosialisasi kerana dalam masyarakat simple anak-anak dididik dan diajar samsa secara formal atau tidak formal untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran untuk melengkapkan diri bagi kehidupan dalam masyarakat.

Kepercayaan dan ugama juga disalurkan melalui keluarga dan kekeluargaan. Di bidang ekonomi keluarga dalam masyarakat yang simple amatlah penting di mana tenaga kerja bergantung kepada ahli-ahli keluarga dan individu-individu yang lain yang ada hubungan kekeluargaan. Oleh kerana tenaga kerja sangat penting dalam masyarakat simple ada yang memberikan nilaiyan yang tinggi pada keluarga yang besar. Prinsip keturunan menentukan keanggotaan seseorang ke dalam satu-satu keluarga.

B. PRINSIP-PRINSIP KEKELUARGAAN

Sistem kekeluargaan mempunyai variasi dan berbeda dalam masyarakat-masyarakat yang berlainan. Kelainan yang terdapat itu adalah dari segi struktur iaitu bagaimana keturunan dikira dan juga bagaimana pertalian persemediana dihitung.

Dalam kajian antropologi sistem kekeluargaan itu adalah didasarkan pada empat prinsip. (5)

(a) Nisab ibu

(b) Nisab bapa


(c) Bilateral

(d) Double descent

(a) Nisab ibu - Ibu dalam keluarga ada tetapi anaknya tidak dibawa ke dalam bilangan keturunan. Ibu dalam kerana seorang lelaki tidak dapat membawa keturunan yang didasarkan pada nisab ibu ini ialah pada satu garis sahaja (unilineal). Jadi di sini hanya perempuan sahaja yang dapat meneruskan keturunan. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem ini anak perempuan adalah penting. Jika tidak ada anak perempuan disadakan cara-cara lain untuk mendapatkan anak perempuan seperti anak angkat. Proses mengambil anak angkat ini biasanya diiringi oleh upacara tertentu. Dalam masyarakat adat pepatah di

(5) Prof. Dr. Koetjaraningrat - Beberapa Pokok Antropologi Sosial m.a. 124. Penerbit Dian Rakjat. 1967.

Negeri Sembilan diadakan istiadat berkadim untuk mengiktirafkan seseorang itu ke dalam satu keluarga.




Rajah I - Nisab ibu

Ego, x dan y adalah termasuk ke dalam satu kumpulan keturunan yang dilanjutkan oleh ibu y. Mengikut prinsip sanisab ibu hanya y dan ego dapat meneruskan keturunan yang termasuk dalam keluarga mereka. Sungguhpun x termasuk ke dalam keluarga ego tetapi anaknya s, dihitung masuk keluarga ibunya, ini ialah kerana orang lelaki tidak dapat meneruskan keturunannya. Keanggotaan satu-satu keluarga berdasarkan kepada pihak ibu.

Dalam unilineal sistem kerap terdapat konsep clan (suku) dan lineage (perut). Suku terdiri daripada beberapa individu yang menganggap diri mereka tergolong kepada satu keluarga yang mempunyai nenek moyang yang sama tapi tidak dapat dikesan lagi. Dalam nisab ibu keanggotaan dalam suku ialah mengikut sebelah pihak ibu. Anggapan keanggotaan ke dalam suku didasarkan pada metos bahawa nenek moyang mereka dulu datang meneroka tanah baru dan tinggal bersama-sama.

Ada masyarakat yang menamakan suku-sukunya dengan fenomena-fenomena alam atau binatang-binatang sebagai lambang penyatuan. Ada juga yang terdapat nama suku didasarkan pada tempat suku itu ditubuhkan seperti suku Tanah Datar di kalangan orang-orang Melayu Negri Sembilan.




Rajah menunjukkan pembahagian perut yang terdapat dari sistem nisab ibu. Pada peringkat yang besar ego adalah keturunan dari perut A. Untuk melihat lebih dekat pertaliannya ego ialah keturunan perut G lanjutan dari perut C. Keanggotaan dalam satu-satu perut adalah relational dan hypothecal. Suku ialah perhubungan kekeluargaan di peringkat mekro mana perut ialah perhubungan kekeluargaan di peringkat mikro. Masyarakat lain yang mengamalkan sistem ini ialah orang-orang Trobriands.

(b) Nisab bapa

Kengikut sistem ini keturunan dihitung melalui bapa dan

hanya orang lelaki sahaja yang boleh teruskan kekeluargaan. Kelahiran anak lelaki dalam masyarakat yang mengikut sistem nisab bapa amatlah penting.



RAJAH III - NISAB BAPA


Ego, x dan y tergolong ke dalam satu keluarga manakala anak-anak kepada x adalah luar dari keluarganya. Prinsip ini adalah sama dengan nisab ibu. Perbedaan hanya terdapat dalam mengesan keturunan, iaitu nisab bapa mengikut pihak bapa. Dalam sistem nisab bapa juga terdapat suku dan perut sebagaimana dengan nisab ibu. Kekeluargaan senisab bapa ini jelas dalam masyarakat Cina. Jika nama bapa bermula dengan Tan, nama anak-anaknya juga Tan. Dalam masyarakat Melayu terutamanya di kalangan golongan Syed prinsip ini masih diikuti dengan kuatnya. Dengan mengamalkan nisab bapa mereka dapat mengekalkan identiti keluarga mereka.

(c) Bilateral pada tiap-tiap tinggang. Perintah ini dalam bahasa

Sistem bilateral ialah prinsip di mana penekanan diberi kepada


kedua-dua belah pihak. Mengikut sistem tidak terdapat garis keturunan yang tegas. Dalam sistem ini seseorang tidak dapat menyusur keturunannya pada garis yang tertentu. Jadi kalau cuba dilihat pada 'ascending' generations didapati ramai yang terlibat. Di tinggang pertama keatas didapati ibu dan ayah. Pada tinggang kedua jumlah anggota terlibat bertambah menjadi empat kerana terdapat dua pasang nenek dan datuk, dan seterusnya pada tinggang-tinggang keatas jumlah bilangan itu bertambah. Kalau dirajahkan didapati rajah itu membesar keatas.

RAJAH V - PERKHIDMATAN DALAM SISTEM KETURUNAN



RAJAH IV - BILATERAL DESCENT

Mengikut rajah tiada batasan dalam sistem kekeluargaan bilateral. Tetapi kebolehan ego untuk mengesan keturunan adalah terhad kepada tinggang 2, 3 dan 4 keatas dan ini bergantung kepada keadaan tertentu. Ini adalah kerana bilangan orang-orang yang terlibat berganda pada tiap-tiap tinggang. Perhubungan dalam keluarga itu longgar sahaja. Ini dapat dirajahkan seperti di bawah.




RAJAH V - PERHUBUNGAN DALAM SISTEM BILATERAL

Dalam rajah bulatan ini ego dijadikan pusatnya. Bulatan pertama pengasasnya ialah ibu bapa ego dan pada bulatan kedua didapati datuk dan nenek. Pada bulatan ketiga pengasasnya ialah ibu dan ayah kepada kedua pasang datuk dan nenek dan seterusnya pada tinggang sebelumnya. Dalam bulatan pertama hubungannya adalah diantara adik beradik, iaitu rapat. Bulatan yang besar menunjukkan orang-orang yang terlibat adalah ramai dan perhubungan antara orang-orang ini pula adalah longgar. Pola-pola penempatan dalam masyarakat yang mengamalkan sistem bilateral ini biasanya adalah 'ambilocal' atau 'neolocal'.

(d) Double descent

Double descent atau double unilineal ialah prinsip keempat sistem kekeluargaan yang terdapat dalam kajian antropologi. Sistem

ini diasaskan kepada sistem inilineal. Bedanya ialah dalam sistem unilineal hanya satu garis sahaja dititikberatkan samada dipihak lelaki atau perempuan. Tetapi dalam sistem double descent ini kedua-duanya digunakan serentak. Seorang itu termasuk kepada dua dan disebelah ibu dan bapa.



RAJAH VI - SISTEM DOUBLE DESCENT

Dari rajah di atas terdapat dua golongan keturunan iaitu sebelah ibu dan bapa iaitu matriliy dan patriliy. Ego dan A termasuk ke dalam kumpulan eagle dan juga hawk.

Patriliny

Matriliny

RAJAH VII - SISTEM DOUBLE DESCENT

Dalam rajah VII ada dua garis yang menentukan keturunan.

Kalau ego seorang perempuan ia meneruskan matriliny begitu juga kalau ia seorang lelaki akan meneruskan patrilininya. Di sini timbul konsep matrikins dan patrikins. Mereka dalam kumpulan hawk adalah matrikins pada ego dan mereka dalam kumpulan eagle ialah patrikins kepada ego (rajah VI). Diantara ayah dengan anak termasuk dalam patrikins yang sama.

C. PERKAHWINAN

(a) ~~Bentuk bentuk perkahwinan berdaerah penamaan~~
 Bila membincangkan tentang sistem kekeluargaan tidaklah lengkap jika konsep perkahwinan tidak dibicarakan bersama. Ini ialah kerana perkahwinan adalah satu asas pembentukan keluarga dalam mana-mana masyarakat. Dari institusi perkahwinan ini dapatlah satu-satu

keluarga dalam masyarakat itu menambahkan anggota-anggotanya. Juga perkaitan diantara perkahwinan dengan keluarga dan kekeluargaan dapat dilihat dalam bentuk-bentuk perkahwinan, pola-pola penempatan dan larangan perkahwinan.

Untuk mendapatkan satu-satu definisi tegas bagi perkahwinan

sangatlah rumit sebab makna dan tujuan perkahwinan adalah berlainan diantara satu masyarakat dengan yang lain. Makna perkahwinan bagi satu-satu masyarakat itu tergantung pada nilai, adat resam, norma, ugama dan kepercayaan masyarakat itu sendiri. Dengan lain perkataan makna perkahwinan bagi satu-satu masyarakat adalah fungsi-fungsi yang didukung oleh perkahwinan dalam masyarakat itu. Antara fungsi-fungsi yang didukung oleh perkahwinan secara am adalah :-

- (a) Pengesahan hubungan jantina antara lelaki dan perempuan.
- (b) Pengesahan anak-anak yang dilahirkan dari hubungan seperti (a) di atas.
- (c) Memenuhi keperluan manusia untuk mempunyai seorang teman hidup.
- (d) Menentukan pencarian harta dan pewarisan amnya.
- (e) Memelihara perhubungan baik diantara kelompok kerabat yang terlibat.

Mengikut Beattie definisi yang dipetik dari Notes and Queries on Anthropology,

" marriage is a union between a man and a woman such that the children born to the woman are the recognised legitimate offsprings of both partners. " (6)

Dari definisi ini didapati bahawa perkahwinan itu ialah persatuan diantara seorang lelaki dengan seorang perempuan di mana anak-anak yang dilahirkan oleh siperempuan itu dikira sah sebagai hasil perkongsian pasangan itu. Definisi dari Notes and Queries ini tidak lengkap kerana terlalu sempit bidangnya. Tidak semestinya perkahwinan itu hanya diantara seorang lelaki dengan seorang perempuan sahaja. Pada hal terdapat berbagai-bagai bentuk perkahwinan seperti monogamy dan polygamy. Selain dari itu pengesahan kepada anak-anak tidak semestinya melalui institusi perkahwinan kerana ada institusi levirate, sororate, widow inheritance yang mendukung fungsi-fungsi perkahwinan dan anak-anak yang lahir akibat hubungan dari institusi-institusi ini dikira sah dan diiktiraf oleh masyarakatnya. Juga tidak semua perkahwinan membawa kepada kelahiran anak-anak.

'Marriage' may be defined as culturally approved relationship of one man and one woman (monogamy),

(6) Beattie, J., Other Cultures (Routledge and Paul Ltd. London. 1964) m.s. 117.

Surangkutan definisi bercerita ringkas tentang ia meliputi if one man and two or more women (polygyny), dalam perkawinan kerana pernistaif perkawinan itu berlangsung or one woman and two or more men (polyandry), disertai dengan dua perkawinan dan social endorsement by sexual intercourse between the marital partners of opposite sex, and, generally, the expectation that the children will be born of the relationship ('polygamy' is the term that subsumes both polygyny and polyandry)."⁽⁷⁾

Definisi yang di atas adalah lebih luas kerana ia menerangkan juga perhubungan diantara seorang lelaki dan seorang perempuan, seorang lelaki dan dua atau lebih perempuan dan diantara seorang perempuan dengan lebih dari seorang lelaki. Dari hubungan-hubungan yang dinyatakan di atas dianggap dapat melahirkan anak yang diterima oleh masyarakat.

Ralph Linton pula memberi definisi yang agak ringkas iaitu,

" marriage is a socially recognised union between persons of opposite sex."⁽⁸⁾

(7) International Encyclopaedia of Social Sciences Vol. 10. m.s. 2

(8) Linton, R., The Study of Man (Peter Owen, London. 1965). m.s. 32.

(9) Gandy, K., Marriage and the definition of Marriage, Journal of the Royal Anthropological Institute, 1933. Vol. 52.

Sungguhpun definisi Linton ini ringkas tetapi ia meliputi makna perkahwinan kerana mengiktiraf perhubungan iaitu perkongsian diantara lelaki dan perempuan dari segi sosial dalam masyarakat. Mengikut beliau tidak dikira melalui apa perkongsian itu dibentuk, samada melalui levirate atau sororate asalkan diterima oleh masyarakat. Beliau juga tidak menekan bentuk yang mana perkongsian itu diterima, yang penting ialah perkongsaian individu yang berlainan jenis yang diterima oleh masyarakat.

Kathleen Gough pula memberikan definisi yang lebih sesuai iaitu :

"marriage is a relationship between a woman and one or more persons which provides that a child born to the woman under circumstances not prohibited by the rules of relationship is accrued full-birth status; common to normal members of his society, or stratum ." (9)

Hengikut beliau perkahwinan ialah perhubungan diantara seorang perempuan dengan seorang lelaki atau beberapa orang lain supaya anak yang dilahirkan dalam keadaan yang tidak dilarang oleh undang-undang hubungan itu, diberi kedudukan kelahiran yang sah,

(9) Gough, K., The Nayars and the definition of Marriage, Journal of the Royal Anthropological Institute. 1959. m.s. 32.

(full birth status), sebagai anggota masyarakat. Oleh hal yang demikian anak-anak yang lahir dari perhubungan ini diterima sah oleh masyarakat. K. Gough membuat rumusan itu berdasarkan kajiannya mengenai orang-orang Nayar di India Selatan. Dalam masyarakat Nayar ini diadakan satu upacara iaitu 'tali rite' sebagai satu tanda kedewasaan seseorang gadis. Dalam upacara ini ditentukan seorang lelaki sebagai suami (ritual bridegroom) di mana ia dijodohkan dengan seorang gadis. Selepas upacara itu kedua orang itu diletakkan dalam satu tempat yang terasing selama tiga hari. Dalam masa itu mungkin berlaku hubungan jenis diantara mereka. Pada hari keempat silelaki meninggalkan gadis itu dan tidak ada apa-apa obligasi diantara mereka, melainkan siperempuan bersugul atas kematian lelaki itu (ritual husband). Gadis itu selepas upacara tali rite boleh menerima lelaki lain dan mengadakan hubungan jenis. Jika hamil lelaki yang kerap berhubung dengannya akan memberi hadiah kain dan sayur-sayuran kepada bidan sebagai bapa kepada anak yang akan dilahirkan. Anak-anak yang lahir dari perhubungan itu diterima oleh masyarakat. Perhubungan atau perkongsian (union) diantara lelaki dan perempuan dalam masyarakat Nayar dianggap sebagai satu bentuk perkahwinan. (10)

Dalam masyarakat Islam perkahwinan adalah sah selepas upacara ijab kabul dijalankan. Tanpa ijab kabul tidak sah perhubungan diantara lelaki dan perempuan. Oleh itu dalam masyarakat Islam institusi perkahwinan dengan adanya upacara ijab kabul mengesahkan per-

(10) Gough K. - ibid. m.s. 31.

hubungan diantara seorang lelaki dengan seorang atau lebih perempuan (tidak lebih dari empat) dan anak-anak yang lahir dari perhubungan itu diterima sah oleh masyarakat. Tetapi dalam setengah-setengah masyarakat di Afrika perkahwinan hanya sah bila Bridewealth berupa lembu dibayar. Tanpa pembayaran itu hubungan lelaki dengan perempuan dikira tidak sah dan anak-anak yang lahir dari perhubungan di atas adalah anak haram.

D. BENTUK-BENTUK PERKAHWINAN

Pada amnya ada dua bentuk perkahwinan iaitu monogami dan poligami.

(a) Monogami

Monogami ialah perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan pada satu masa. (Faktor masa sangat penting dalam perkahwinan bentuk monogamy ini kerana jika seseorang itu telah kahwin dan bercerai, selepas itu ia boleh kahwin lagi). Ini dipanggil 'serial monogamy'. Dalam masyarakat Kristian (Catholics) di Itali perkahwinan bentuk monogamy ini tiada fenomena penceraian. Ini bermakna perhubungan suami isteri itu adalah untuk seumur hidup. Sungguhpun demikian dalam masyarakat ini diadakan 'legal separation'. Upacara perkahwinan di kalangan orang-orang ini dijalankan depan Tuhan mereka, itulah sebabnya maka tiada penceraian. Dengan hal yang demikian seorang gadis bebas memilih pasangannya supaya kekal

selama-lamanya.

(b) Poligami

Bentuk perkahwinan poligami ini terbahagi kepada dua iaitu:

(i) poligini

(ii) poliandri

(i) Poligini

Ini ialah perkahwinan diantara seorang lelaki dengan dua atau lebih perempuan pada satu masa. Dalam masyarakat Islam bentuk perkahwinan ini adalah terhad kepada empat orang perempuan pada satu masa.

Di kalangan masyarakat di Afrika, tribe Tanganyika bilangan isteri tidak terhad. Selalunya orang-orang lelaki yang berkahwin lebih dari satu ialah orang tua iaitu berumur lebih dari 40 tahun. Ini ialah kerana hendak menunjukkan orang lelaki tua gagah dan sanggup mengambil isteri lebih dari satu. Masyarakat-masyarakat yang mengamalkan perkahwinan bentuk ini ialah masyarakat tani. Inilah kerana hendak menambah tenaga kerja yang lebih dalam bertani. Selain daripada itu beristeri lebih dari satu menunjukkan prestige seseorang itu.

(ii) Poliandri

Bentuk perkahwinan ini mempunyai berbagai corak. Di kalangan orang-orang Tibet bila seseorang perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki, ia dengan secara otomatis adalah juga isteri kepada adik beradik silelaki yang dikahwini. Ini adalah kerana ekonomi, di mana

tidak hendak membahagi-bahagikan harta adik beradik lelaki kahwin dengan seorang perempuan sahaja. Ini dikenali sebagai 'adelptic polyandry.'

Masyarakat lain yang mengamalkan sistem seorang perempuan kahwin dengan lebih dari seorang lelaki ialah orang-orang Tadas di Asia. Antara lain sebab kenapa masyarakat ini mengamalkan corak begini ialah kerana orang lelaki bekerja sebagai askar selalu meninggalkan isteri-isteri mereka. Oleh itu orang lelaki yang tinggal mengahwini isteri-isteri askar ini. Selain dari itu mungkin keadaan tidak seimbang di mana bilangan lelaki lebih dari perempuan.

- (a) *Adelptic polyandry*
- (b) *One woman many men*
- (c) *Two wives one man*

II. POLIGAMY

Pola perkahwinan yang paling banyak dilakukan dalam masyarakat kita adalah poligami yang dilakukan oleh kaum suku kaum Melayu dan kaum Jawa. Poligami dalam masyarakat kita masih mewujudkan keadaan ketidakseimbangan antara jumlah suatu keluarga sebaliknya jumlah penduduk negara.

Rajah VIII menunjukkan perbandingan keluarga selain masing-masing. Walaupun masyarakat kita mempunyai masyarakat yang diketahui sebagai pent. Maka pada rata-rata masing-masing keluarga mewujudkan dua atau tiga orang anggota. Dari pent. Kesemua anggota yang dimajikan itu ada peratusan daripada

BAB 2

STRUKTUR KEKELUARGAAN MASYARAKAT MENDILING

A. PRINSIP KEKELUARGAAN


Pada asasnya orang-orang Mendiling ini menyusun keturunan melalui satu nisab iaitu nisab bapa. Perkara ini dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti :-

- (a) Keanggotaan (cara keturunan dikira)
- (b) Cara perwarisan dijalankan
- (c) Penempatan selepas kahwin

i) KEANGGOTAAN

Orang-orang kampung itu menghitung keanggotaan seseorang ke dalam satu keluarga mengikut kelahiran. Oleh sebab orang-orang di kampung itu mengikut satu nisab iaitu nisab bapa maka keanggotaan seseorang ke dalam satu keluarga adalah dikira melalui sebelah pihak bapa sahaja.

Rajah VIII menunjukkan perkembangan keluarga melalui nisab bapa. Tiap-tiap satu garis keturunan itu merupakan satu kumpulan yang dikenali sebagai perut. Ego dalam rajah itu adalah anggota dari satu perut. Kesemua anggota yang dirajahkan itu ada pertalian darah



RAJAH VIII - NISAB BAPA

kerana mereka itu adalah dari satu keturunan. Oleh hal yang demikian prinsip keanggotaan orang-orang di kampung itu adalah sama seperti di atas. Tiap-tiap anggota dihubungkan melalui pertalian darah dan digolongkan ke dalam satu suku. Jadi keanggotaan orang-orang ke dalam satu suku itu adalah melalui sebelah pihak bapa.

Di tempat asal mereka di Sumatra Utara di daerah Tapamulie orang-orang Mendiling ini terbahagi kepada suku tetapi di kampung itu konsep suku tidak dipakai lagi. Ini adalah kerana bilangan penduduk di situ tidak besar. Didapati bahawa golongan generasi muda tidak

tahu akan asal suku mereka. Walau bagaimanapun golongan generasi tua masih tahu suku-suku mereka. Dari mereka didapati bahawa orang-orang di situ adalah berasal dari suku-suku Nasution, Lubis, Harahap dan Nasibuan.

Oleh kerana keanggotaan seseorang ke dalam satu keluarga itu berdasarkan kepada kelahiran melalui nisab bapa maka dengan perkahwinan seseorang perempuan itu tidak dikira sebagai anggota keluarga suaminya. Siperempuan tetap dikira sebagai anggota keluarga bapanya. Anak-anak yang terdapat dari perkongsian hidup itu sahaja dikira sebagai anggota keluarga sisuami. Dengan yang demikian anak kepada adik atau kakak bapa tidak dihitung sebagai ahli keluarga bapa (lihat rajah).

ii) PEWARISAN

Kedudukan dan jawatan yang ascribed tidak terdapat di kalangan orang-orang dalam masyarakat di kampung itu maka pewarisan jawatan di situ tidak ada. Sungguhpun begitu hak dan tanggungjawab terletak kepada anak lelaki yang sulung apabila seseorang itu meninggal. Oleh itu tugas dan tanggungjawab bapa diambil alih oleh anak lelaki yang sulung jika bapa itu meninggal. Dengan hal yang demikian pembahagian harta pun dilebihkan kepada pihak lelaki. Jadi pihak lelakilah yang mendapat hak yang lebih dalam pembahagian harta. Berdasarkan ini maka orang-orang di kampung itu menggunakan sistem facaid dalam pembahagian harta benda.

Pembahagian harta benda mengikut sistem faraid ini adalah diikuti pada dasarnya sahaja. Pada praktiknya belum terdapat pun di kampung itu pembahagian harta didasarkan kepada sistem itu. Ini ialah kerana orang-orang di kampung itu masih baru menetap di situ dan orang-orang yang mula-mula datang tinggal di situ masih ada lagi. Jadi tidaklah dapat diketahui samada orang-orang di situ benar-benar mengikuti sistem faraid dalam pembahagian harta.

Mengikut sistem itu orang yang berhak menerima bahagian jika seseorang suami atau bapa meninggal adalah disenaraikan di bawah mengikut keutamaan:-

Perhak lelaki

1. Anak
2. Cucu
3. Bapa simati
4. Batuk simati
5. Saudara seibu sebapa
6. Saudara sebapa
7. Anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa
8. Anak lelaki kepada saudara lelaki sebapa
9. Bapa saudara adik beradik sebapa
10. Anak bapa saudara adik beradik bapa.

Perempuan

1. Anak
2. Cucu perempuan daripada anak lelaki

3. Ibu
4. Saudara perempuan seibu seapa
5. Saudara perempuan seapa
6. Isteri⁽¹⁾

Dari senarai di atas didapati bahawa anak kepada saudara perempuan tidak berhak menerima harta atau tidak termasuk dalam golongan waris. Begitu juga, cucu melalui anak perempuan terkeluar daripada istilah waris dan tidak berhak atas sebarang harta atau jawatan kerana mereka adalah anggota keluarga yang lain.

Pada dasarnya pembahagian harta samada dalam bentuk tanah, rumah, perkakas rumah dan barang-barang perhiasan mengikut hukum faraid adalah tergantung kepada keadaan. Jika seseorang itu mati dan meninggalkan isteri seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan, nisbah pembahagian ialah $1/8$ untuk isteri, yang lebihnya dibahagi antara anak lelaki dan perempuan mengikut kadar $2/3$ untuk lelaki dan $1/3$ untuk perempuan. Ini bermakna yang harta itu dibahagikan kepada 24 bahagian; isteri yang mendapat $1/8$ bahagian akan mendapat $3/24$ bahagian dari jumlah harta. Baki yang lebih sebanyak $21/24$ bahagian dibahagi antara anak lelaki dan perempuan mengikut kadar yang dinyatakan iaitu $14/24$ bahagian untuk lelaki dan $7/24$ untuk perempuan. Di sini nyatalah bahawa anak lelaki itu mendapat dua bahagian, lebih daripada anak perempuan. Jika simati

(1) Temuduga dengan Kadi Wilayah Kuala Pilah.

meninggalkan isteri dan seorang anak lelaki pembahagian adalah dikatakan asabah iaitu tidak mengikut kiraan tertentu. Siisteri tetap mendapat $\frac{1}{8}$ dan/lebih $\frac{7}{8}$ itu terpulang kepada anak lelaki. Begitu juga keadaannya bila simati meninggalkan isteri sahaja, ia akan mendapat $\frac{1}{4}$ dan yang $\frac{3}{4}$ terpulang kepada saudara lelaki itu sebu seba. Jika saudara lelaki itu lebih dari seorang pembahagian adalah sama rata diantara mereka. Anak perempuan pula boleh mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian jika simati tiada anak lelaki. Dalam keadaan demikian isteri tetap juga mendapat $\frac{1}{8}$ dan yang $\frac{3}{8}$ itu dibahagikan kepada saudara lelaki sebu seba dan seterusnya siapa yang berhak menerima. Jika ibu atau bapa simati masih ada tiap-tiap seorang diantara mereka boleh mendapat $\frac{1}{6}$ bahagian hartanya. Mengikut sistem ini, jika simati tiada saudara mala yang berhak menerima hartanya itu maka bahagian sebanyak $\frac{3}{8}$ itu terserah kepada baitumal.

iii) Pola penempatan

Pada umumnya tempat kediaman selepas kahwin ialah sebelah pihak suami. Ini adalah mengikut dasar bahawa orang-orang di situ menyusun anggota melalui nisab bapa. Seorang perempuan selepas berkahwin tinggal bersama dengan suami di rumah ibu bapa suami. Keadaan begini adalah untuk sementara waktu sahaja sebelum sisuami dapat mendirikan rumah sendiri. Setalah kukuh keadaan ekonominya sisuami akan mendirikan rumah sendiri di kawasan tanah bapanya. Lazimnya sibapa membantu anaknya mendirikan rumah untuk anaknya, Ada juga terdapat sibapa mendirikan rumah untuk anak lelakinya sebelum anaknya dikahwinkan.

Oleh hal yang demikian sianak selepas berkahwin akan terus membawa isterinya tinggal di rumahnya dengan tidak payah tinggal bersama ibu bapanya.


B. KINSHIP KATEGORI

Istilah panggilan kekeluargaan mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem kekeluargaan sesuatu masyarakat. Dari istilah yang digunakan dapatlah diketahui sistem kekeluargaan yang diamalkan kerana penekanan ada dibuat mengikut sistem itu. Dalam membicarakan sistem panggilan kekeluargaan ini terdapat dua jenis istilah iaitu:-

- (a) istilah rujukan
- (b) istilah panggilan


Dalam masyarakat Mendiling ini ada terdapat perbedaan diantara kedua dua istilah tersebut.

Orang-orang Mendiling di kampung itu menggunakan istilah panggilan berupa huraian. Istilah panggilan carah ini menunjukkan dengan jelas beberapa perkara seperti jantina yang dipanggil, angka kelahirannya dikalangan bilangan adik beradinya, dan umurnya dibandingkan dengan sipemanggil. Misalnya ego memanggil saudara lelaki yang tertua sebagai Abang Long atau saudara perempuan yang tertua sebagai Kakak Long. Manakala saudara lelaki dan perempuan yang muda daripada ego dipanggil dengan nama mereka sahaja. Panggilan saudara-saudara yang seperingkat seperti sepupu adalah juga sama.



RAJAH IX - RUJUKAN ADIK BERADIK EGO


Dari rajah di atas istilah, rujukan hanya menyatakan abang kepada saudara lelaki yang tertua dan kakak kepada saudara perempuan yang tertua. Bagi saudara yang muda daripada ego dipanggil dengan nama.




RAJAH X - ISTILAH PANGGILAN ADIK BERADIK EGO

Kerabat-kerabat yang tergolong ke dalam satu tinggang ke atas tinggang ego iaitu tinggang ibu bapanya istilah rujukan adalah seperti berikut.

pak tobang yang bernikah pak tan. Dua saudara-saudara bapa yang tua
terus mula panggilan adalah mengikut kelahiran seperti pak long, pak
ngah begitu.



RAJAH XI - ISTILAH RUJUKAN SAUDARA SEMELAH BAPA




RAJAH XII - ISTILAH PANGGILAN SAUDARA SEMELAH BAPA

Dari rajah di atas jelaslah panggilan itu menentukan angka
kelahiran bapa atau emak saudara kepada ego. Mengikut rajah-rajah di
atas ego memanggil saudara lelaki yang tertua dari bapanya dengan panggilan

pak tobang yang bermaksud pak tua. Jika saudara-saudara bapa yang tua ramai maka panggilan adalah mengikut kelahiran seperti pak long, pak entah begitu juga dengan saudara perempuan yang tua dari bapa ego. Akan tetapi panggilan namburu itu bererti emak cik dan juga emak mertua. Mengikut informan-informan ego boleh atau nemang digalakkan memilih anak namburunya sebagai isteri. Ini merupakan "preferred marriage" bagi orang-orang dalam masyarakat ini. Dengan demikian preferred marriage di sini adalah perkahwinan ego dengan anak saudara perempuan kepada ayah ego. Ini dipihak keluarga ayah. Istilah rujukan kepada saudara lelaki yang muda daripada ayah ego ialah uda atau pak cik. Oleh itu ego memanggilnya dengan panggilan uda atau pak cik atau pak su.

Istilah bagi saudara sebelah ibu pula berlainan daripada istilah yang digunakan untuk sebelah bapa. Istilah rujukannya adalah seperti berikut :



RAJAH XIII - ISTILAH RUJUKAN/PANGGILAN UNTUK ADIK BERADIK IBU

Di sebelah pihak ibu ego memanggil saudara lelaki, baik yang tertua atau muda daripada ibu ego, mamak. Mamak mengikut mereka bererti pak cik atau mertua. Panggilan mamak ini pula tidak ada mengikut angka kelahiran. Di sini juga terdapat satu keadaan preferred marriage seperti yang diterang di atas. Perbedaannya ialah ego di sini memanggil saudara lelaki ibunya sebagai pak cik atau mertua manakala di sebelah pihak bapa ego memanggil saudara perempuan ayahnya sebagai mak cik atau mertua. Dalam keadaan demikian ego digalakkan mengambil anak bapa saudara sebelah ibunya sebagai isteri. Ini masih lagi diamalkan dalam masyarakat di kampung itu. Bila berlakunya perkahwinan yang digalakkan ini panggilan tidak berubah iaitu mamak juga. Saudara perempuan yang tua daripada ibu ego dipanggil emak tua dan yang muda daripada ibu ego pula dipanggil bujing. Bujing di sini bererti emak cik dan ia menunjukkan bahawa orang yang dimaksudkan itu muda dari ibu ego. Sungguhpun demikian panggilan biasa bagi emak, ayah, abang, kakak dan adik digunakan dalam Bahasa Melayu. Ini mungkin dipengaruhi oleh bahasa surat kerana anak-anak mereka juga dihantar ke sekolah-sekolah yang sama dengan anak-anak orang tempatan.

Di bawah ini disenaraikan istilah rujukan dan panggilan orang-orang di masyarakat itu.

Kerabat Melalui Perkahwinan

Hubungan	Rujukan	Panggilan
Isteri	Isteri	Nama
Susmi	Suami	Bang, hei
Bapa isteri	Amang buru	Pak
Ibu isteri	Nam buru	Boue

Kerabat Melalui Perkahwinan

Hubungan	Rujukan	Panggilan
Bapa suami	Tulang	Pak, mamak
Ibu suami	Nan tulang	mak
Menantu lelaki	Babare	nama
Menantu perempuan	Permain	nama
Ibu tiri	Emak tiri	mak
Abang isteri	Angkang	bang
Kakak isteri	Angkang	kak
Adik lelaki isteri	Angi	nama
Adik perempuan isteri	Angi	nama
Abang suami	-	-
Kakak suami	Edar	kak
Adik lelaki suami	Angi	nama
Adik perempuan suami	Angi	nama

RAJAH XIV - SISTEM ISTILAH RUJUKAN DAN PANGGILAN

Dari senarai di atas didapati bahawa ada diantara istilah keluargaan bagi pihak bapa itu berlainan dari pihak ibu sungguhpun dalam kategori yang sama. Ini adalah untuk membedakan ahli keluarga dalam masyarakat itu. Dari istilah rujukan dapatlah diketahui seseorang itu adalah dari keluarga sebelah ibu atau bapa, sungguhpun dari istilah panggilan hubungan itu tidak berapa jelas kerana perkataan-perkataan yang digunakan adalah Bahasa Melayu.

BAB III

KELUARGA DAN RUMAH TANGGA

A. STRUKTUR KELUARGA

Pada keseluruhannya bentuk keluarga di kampung itu adalah 'simple'. Keluarga asas yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak adalah merupakan satu bentuk "domestic grouping" yang biasa dan juga unit sosial yang utama dalam kehidupan hari-hari. Keluarga asas /setelah di situ tidak terikat, iaitu/berkahwin sepasang suami isteri yang baru dengan secepat mungkin mendirikan rumah mereka sendiri. Sungguhpun satu-satu keluarga asas itu tidak terikat tetapi perhubungan rapat dengan keluarga-keluarga lain sebelah pihak suami itu tetap ada. Di kampung itu bentuk keluarga asas ialah yang terdiri dari seorang suami dan seorang isteri dengan anak-anak. Oleh itu tidak terdapat struktur keluarga di mana ada dua orang isteri. Ini adalah kerana orang-orang dalam masyarakat di kampung itu mengamalkan bentuk perkahwinan monogami (lihat bab 4).

Dalam keluarga asas itu suami atau ayah merupakan simbol kekuasaan. Ia bertanggungjawab tentang mencari nafkah bagi isteri dan anak-anaknya. Oleh itu keluarga asas ini merupakan satu unit ekonomi di samping unit sosial. Ini ialah kerana satu keluarga asas itu merupakan satu unit pengeluaran di mana tenaga buruh didapati dari

isteri dan anak-anak yang dewasa. Disamping itu keluarga asas juga merupakan unit pengguna. Di masyarakat di kampung itu kekuasaan dalam satu-satu keluarga asas terletak di atas bapa.

B. JENIS RUMAHTANGGA

Rumahtangga ialah suatu kelompok sosial akibat dari perkahwinan. Kelompok ini merupakan satu kesatuan kerana mengurus ekonomi rumahtangga sebagai satu kesatuan.⁽¹⁾ Di kampung itu biasanya satu rumahtangga terdiri dari satu keluarga asas sahaja. Sungguhpun begitu terdapat juga satu rumahtangga mengandungi lebih dari satu keluarga asas. Umumnya di situ terdapat dua bentuk keluarga asas iaitu

- 1) keluarga asas yang terdiri dari suami isteri yang masih muda dan anak-anak mereka yang masih kecil
- 2) keluarga asas yang terdiri dari suami isteri yang tua dan anak-anak dewasa yang belum kahwin.

Dari corak rumahtangga yang berbagai itu terdapat berbagai cara aturan tempat tidur. Dalam keadaan pertama didapati sisuami dan isteri serta anak-anak tidur di bilik bersama-sama. Bagi keluarga di mana terdapat anak-anak dewasa yang belum kahwin bapa tidur di bahagian

(1) Prof. Dr. Koentjaraningrat op. cit m.s. 99

dalam atau di ruang anak rumah, anak perempuan tidur di bilik. Ada juga terdapat anak perempuan tidur di rumah ibu saudara yang janda bersama dengan anak-anak perempuannya. Anak lelaki yang dewasa biasanya setelah umur meningkat 12 tahun keatas tidur di surau. Oleh itu terdapatlah semua anak-anak muda kampung itu berkumpul di surau pada malam hari. Mengikut informan pemuda-pemuda disuruh tidur di surau dengan tujuan mereka itu belajar ugama dan beramal ibadat.

Jenis Keluarga	Composisi Rumahtangga	Bilangan
Asas	Suami, isteri & anak-anak	35
Luas	(a) Keluarga asas + ibu suami	2
	(b) Keluarga asas + ibu isteri	1
	(c) Keluarga asas + menantu perempuan	1
Deduced		8
	Jumlah	47

RAJAH XV - JENIS RUMAHTANGGA

Data di atas menunjukkan jenis rumah tangga yang terdapat di kampung itu. Didapati sejumlah 47 buah rumah di situ. Dari 47 buah

rumah terdapat 55 buah rumah yang mana terdiri dari keluarga asas. Keluarga asas merupakan 74.5% daripada keseluruhan di kampung itu. Keluarga yang jenis ini terdiri dari suami, isteri serta anak-anak kecil dan dewasa yang belum kahwin. Selain dari itu didapati 4 buah keluarga luas. Jenis keluarga ini merupakan 8.5% dari jumlah keluarga yang terdapat. Sungguhpun keempat buah keluarga dijeniskan kepada satu kategori tetapi komposisi rumah tangganya berlainan diantara satu sama lain. Dari komposisi rumah tangga, keluarga luas yang didapati di situ terbahagi kepada tiga bahagian. Jenis yang pertama terdapat komposisi yang terdiri dari keluarga asas iaitu suami, isteri dan anak-anak bersama ibu suami. Terdapat 2 buah rumah yang mengandungi keluarga yang sedemikian. Satu lagi jenis keluarga luas ialah yang mengandungi keluarga asas dan ibu isteri. Keadaan ini berlaku ialah kerana silelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang luar dari masyarakat itu. Siperempuan pula adalah anak yang tunggal. Mengikut sistem tempat tinggal selepas kahwin siisteri ikut suami, dan dengan demikian dibawanya ibunya tinggal bersama mereka. Satu lagi jenis keluarga luas yang terdapat ialah terdiri dari kedua suami isteri dengan anak lelaki yang telah berkahwin. Ibu bapa lelaki tidak membuat rumah lain untuk anaknya melainkan menyuruh mereka tinggal bersama, kerana tiada anak yang lain.

Selain dari itu terdapat 5 buah keluarga jenis 'demised' atau 10.6% dari jumlah yang terdapat di kampung itu. Dari 5 keluarga jenis ini 4 adalah terdiri dari ibu dan anak-anak yang belum kahwin yang

masih di bawah jagaan ibu. Keluarga yang satu lagi itu adalah terdiri dari seorang ayah dengan anak-anaknya. Tiga buah rumah yang lain di-duduki oleh perempuan-perempuan tua. Mereka tinggal di rumah itu bersendirian kerana telah tua dan tidak mahu mengganggu orang lain.

Pada keseluruhannya struktur keluarga dengan bentuk rumah-tangga adalah sama. Ini adalah kerana bentuk rumah yang kecil (lihat bab pengenalan). Anggota rumah tangga selain dari keluarga asas adalah terdiri dari kerabat-kerabat yang karib sahaja. Pola tempat tinggal dan bentuk rumah menentukan komposisi rumah tangga di kalangan orang-orang di kampung itu.

C. HUBUNGAN ANTARA AHLI-AHLI KELUARGA

1. SUAMI ISTERI

Hubungan suami isteri adalah satu yang bersifat contract di mana diterima sah oleh masyarakat di dalam suatu upacara yang mengikut istiadat tertentu. Upacara akad mengesahkan hubungan suami isteri di sisi masyarakat dan ini membenarkan kedua-duanya tinggal dalam satu rumah tangga bagi menjalankan kegiatan hari-hari mereka. Peranan mencari nafkah dan mengurus rumah serta anak-anak ditentukan oleh jantina. Suami ialah simbol kekuasaan dan bertanggungjawab keatas isteri dan anak-anaknya. Siswami menorih getah di waktu pagi bagi mencari nafkah untuk anak isterinya. Selain dari menorih getah siswami pergi ke sawah dan kebun getah yang baru ditanam semula di Langkap. Dalam kegiatan

hari-hari kerja yang berat dilakukan oleh suami. Sambil menjalankan kegiatan ekonomi sisuami kadangkala tidak balik ke rumah tetapi bermalam di kebunnya di Langkap. Keadaan ini biasa berlaku di kampung itu.

Isteri bertugas mengurus rumah tangga dan anak-anak. Disamping itu isteri memberi pertolongan tenaga kepada suami di sawah. Lazimnya isteri bertanggungjawab menjualkan hasil tanaman seperti sayur-sayuran di bandar Kuala Pilah dan di pasar minggu Tanjung Ipoh. Jelas kelihatan di sini bahawa isteri menjalankan kerja yang ringan sahaja. Selain dari mengurus rumah tangga isteri membantu suami dalam kegiatan ekonomi sebagaimana yang telah dijelaskan. Di kalangan orang-orang Mendiling di kampung itu mereka tidak mengharapkan sangat bahawa isteri membantu mencari wang. Menjual hasil tanaman dilakukan oleh kaum perempuan atau isteri-isteri ialah kerana tidak memerlukan tenaga dan memakan masa yang lama. Jika orang lelaki yang berjaya ini merugikan dari segi masa dan tenaga kerana masa menjual itu boleh digunakan untuk membuat kerja lain bagi mendapatkan wang.

Perasaan kasih sayang diantara mereka tidak ditunjukkan di khayal ramai atau di hadapan anak-anak. Bagi pihak perempuan pula suami itu dihormati dan ditaati. Sebagai tanda penghormatan nama suami tidak boleh disebut oleh isteri istilah panggilan yang digunakan oleh isteri pada suami adalah berbagai-bagai. Ada yang memanggil abang dan ada yang menggunakan perkataan seperti hoi, eei, hai dan lain-lain lagi. Suami pula menggunakan berbagai panggilan untuk isteri. Biasanya suami menggunakan hujung nama isteri sebagai panggilan ter-

hadapnya. Kasih sayang ditunjukkan dengan menghormati hak dan tanggung-jawab isteri. Pemberian hadiah seperti barang-barang perhiasan tidak terdapat di kalangan orang-orang di situ. Pemberian barang-barang yang mustahak atau perlu seperti kain baju adalah merupakan tanggungjawab suami terhadap isteri bukannya tanda kasih sayang.

Isteri tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam hal ehwal masyarakat dengan cergas. Ini bermakna bahawa orang-orang perempuan di kampung itu menerima sahaja keputusan-keputusan yang diambil oleh kaum lelaki tentang apa yang dijalankan. Dalam rumah tangga suami memberitahu isterinya tentang apa yang hendak dilakukan dan tidak pula membuat sesuatu dengan sekehendak hatinya sahaja. Dari segi urusan rumah tangga sisuamai berumling dahulu dengan isteri sebelum membuat sesuatu. Dalam kenduri kendara pihak isteri diharapkan memberi pertolongan di dapur dan segala persiapan diserahkan kepadanya. Disamping itu suami dan pihak lelaki membuat kerja yang berat-berat. Kerjasama diantara suami isteri sangat baik sehingga jarang sekali terdapat perselisihan diantara mereka.

II. HUBUNGAN IBU DENGAN ANAK-ANAK

Dalam keluarga ibu adalah simbol kasih sayang bagi anak-anak. Hubungan diantara ibu dengan anak-anak sangat mesra. Ibu ialah tempat anak-anak mengudu nasib. Daripadanya lah anak selalu mendapat apa yang dihajatkan. Hubungan yang demikian terdapat sewaktu anak-anak itu masih kecil. Apabila anak-anak sudah besar terdapat hubungan yang

berlainan diantara anak lelaki dengan ibu dan perempuan dengan ibu.

Anak lelaki tidak rapat hubungannya dengan ibunya jika dibandingkan dengan anak perempuan. Ibu berhubung dengan anak lelaki secara formal. Ini ialah kerana anak lelaki tidak sentiasa duduk di rumah. Mereka (anak lelaki) samada pergi sekolah pada waktu pagi atau membantu ayahnya kerja di ladang. Pada malam hari pula anak lelaki dewasa tidur di surau. Mereka berada di rumah pada waktu makan dan minum serta menyalin pakaian. Rasa kasih sayang masih tetap dan selain dari itu ibu bagi mereka adalah bertugas menyediakan makanan. Anak perempuan pula sentiasa berada di rumah. Hubungan anak perempuan dengan ibunya mesra dan rapat. Anak perempuan selalu membantu ibu dalam urusan rumahtangga. Oleh kerana mereka dari satu jantina yang sama, kesulitan anak difahami dan dapat diatasi oleh ibu. Sungguhpun hubungan anak lelaki dan perempuan dengan ibu berlainan sedikit, anak tetap hormat dan taat kepada ibu. Ini ialah kerana didikan ugama yang telah mereka terima dari masa kecil lagi.

III. HUBUNGAN AYAH DENGAN ANAK

Ayah merupakan simbol kuasa dalam rumahtangga. Sungguhpun demikian elemen kakuasaan pada ayah telah berkurangan. Ayah jarang sekali mendenda anak-anak. Ini mungkin kerana anak itu jarang membantahi kehendak ayah. Sungguhpun masyarakat ini mengikut sistem nisab bapa anak lelaki dan perempuan tidak dibedakan. Ayah dari pandangan anak-anak adalah ketua rumahtangga dan tempat mereka berlindung. Anak-

anak takut, hormat dan taat kepada ayah. Hubungan diantara ayah dengan anak di masa kecil rapat dan mesra. Hubungan ini berubah sedikit apabila anak-anak itu meningkat rumaja.

Sebagaimana hubungan anak dengan ibu begitu juga hubungan anak dengan ayah di peringkat dewasa. Perbedaan di sini ialah bahawa anak lelaki lebih rapat dengan ayah daripada anak perempuan. Ini ialah kerana anak lelaki lebih lama berdamping dengan ayah daripada anak perempuan. Pagi-pagi lagi anak lelaki telah pergi membantu ayahnya di kebun getah atau di sawah. Ayah selalu menasihat dan mengajar anak lelaki dalam pekerjaan hari-hari. Latihan dan tunjuk ajar dalam kegiatan ekonomi diterima lebih dari ayah. Perbincangan yang mesra dan 'serios' kerap kali terdapat diantara ayah dengan anak lelaki. Mereka berunding berkenaan pekerjaan hari-hari yang diutamakan bagi menambah lagi pendapatan keluarga. Dari hubungan yang demikianlah maka anak lelaki itu memperolehi rasa tanggungjawab yang sepatutnya terhadap keluarga bila ia menjadi ketua keluarga kelak.

Bagi anak perempuan pula hubungannya dengan ayah adalah formal. Anak rasa takut dan hormati ayah. Hubungan yang tidak begitu rapat ialah kerana anak perempuan tidak berdamping rapat dengan ayah dalam pekerjaan hari-hari. Tanggungjawab urusan rumah diperolehi dari ibu. Sebagai tanda hormat dan taat anak baik lelaki ataupun perempuan tiada boleh menyebut nama ayah mereka. Sekarang oleh kerana orang-orang di situ telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah maka menyebut nama ayah itu tidak lagi dianggap tidak sopan. Ini ialah kerana

di sekolah mereka terpaksa menyebut nama penuh mereka termasuk nama ayah sebagai tanda pengenalan. Orang tua-tua di situ pun telah menerima dengan baik fenomena tersebut.

~~dan juga pelintung kepada anak berduka. Mengelakkan itu seolah-olah seperti bapa dan bapanya.~~

IV. HUBUNGAN ADIK BERADIK

Hubungan antara siblings itu terbahagi kepada tiga peringkat. Ini adalah kerana dalam hubungan ini terdapat tiga kedudukan iaitu abang, kakak dan adik. Diantara mereka abang yang tua merupakan simbol kuasa. Pada peringkat awal sebelum meningkat dewasa hubungan adalah erat, mesra dan bebas didapati diantara adik beradik lelaki dan perempuan.

Setelah dewasa adik perempuan hormat dan ikut kata abang yang tua.

Hubungan merupakan formal dan jarang terdapat abang berbual dengan adik perempuannya. Diantara adik samada lelaki atau perempuan dengan kakak pula hubungan erat dan mesra. Kakak punca kasih sayang kerana ia mengurus ibu mengurus dan menjaga mereka bila emak tidak ada di rumah. Di antara adik lelaki dengan abang didapati hubungan yang mesra dan hormat terhadap pihak yang lebih tua.

Adik beradik tiri sebelah bapa dianggap adik beradik seibus seapa. Ini adalah kerana sistem kekeluargaan orang-orang di kampung itu mengikut nisab bapa. Bila seseorang lelaki kahwin lagi bagi kali yang keduanya setelah isteri pertama meninggal anak-anaknya dibawa tinggal bersama isteri kedua. Hubungan anak dari isteri pertama dengan anak dari isteri kedua tidak ada beda, tetapi yang muda menghormati yang tua dan juga mesra. Isi pokok menghindarkan berduka.

yang ku... Dalam hubungan adik beradik ini terdapat peranan yang dimainkan oleh tiap anggota yang menduduki status seperti abang dan kakak. Abang ialah simbol kuasa, dihurmati dan juga pelindung kepada adik beradiknya. Fungsi abang itu seolah-olah seperti bapa dan bertugas demikian jika bapa tiada di rumah. Tanggungjawab kakak adalah juga seperti ibu kepada adik-adik, iaitu menguruskan makanan dan pakaian mereka. Oleh sebab hak dan tanggungjawab inilah maka perpaduan dalam keluarga itu sangat erat. Tugas dan tanggungjawab abang dan kakak itu diperluaskan lagi dalam masa masa tertentu seperti kenduri kendara, perkahwinan, Hari Raya dan kematian. Dalam peristiwa yang disebutkan mereka tidak pula mengambil alih peranan orang tua-tua mereka tetapi cuma membantu. Hubungan yang demikian masih berjalan di kampung itu sekarang.

V) HUBUNGAN ISTERI DENGAN KERABAT SUAMI

a. Menantu perempuan dengan Mertua

Mengikut perkahwinan yang digalakkan seseorang yang menjadi menantu itu ialah anak saudaranya. Oleh itu menantu itu bukan orang lain dan tidak perlu menyesuaikan dirinya di rumah ibubapa mertuanya. Dengan yang demikian hubungan hormat dan menghormati ibu dan bapa mertua tetap terjalin. Lazimnya menantu menganggap kedua-dua mertuanya sebagai ibubapa sendiri. Menantu perempuan dengan mertua selaku jarang berbual, jika adapun secara formal dan perlu. Bagi pihak menantu hubungan yang demikian ialah untuk menghindarkan berlakunya tuturkata

yang kasar berlaku diantaranya dengan mertuanya. Tidak terdapat hubungan yang berseluruh diantara menantu dengan mertua lelaki.

Diantara ibu mertua dengan menantu terdapat hubungan yang lebih mesra. Ini adalah kerana dari ibu mertualah menantu itu dapat nasihat tentang urusan rumah tangga dan anak-anak. Disamping itu masa bergaul diantara kedua-duanya adalah lebih lama dan kerap. Ini ialah kerana mereka selalu berada di rumah dan dalam kegiatan ekonomi hari-hari mereka saling bantu membantu.

b. Menantu lelaki dengan Mertua

Lazimnya menantu lelaki ada hubungan darah dengan ibu dan bapa mertuanya. Ini ialah kerana perkahwinan yang biasa dijalankan ialah sepuji berselang. Oleh itu hubungan diantara menantu lelaki dengan mertua adalah mengikut pertalian darah itu, iaitu anak saudara dengan ibu dan bapa saudara. Menantu tetap menghormati dan taat kepada kedua orang mertuanya bila bertemu.

Sungguhpun pertalian menantu lelaki dengan ibu dan bapa mertua rapat ziarah menziarahi diantara mereka jarang sekali, malainkan pada masa-masa tertentu seperti hari raya, kenduri kendara, sakit pening dan kematian. Ini adalah kesibukan menantu dan juga setiap orang di situ mencari nafkah hidup mereka. Namun demikian pertemuan hari-hari berlaku juga kerana mereka tinggal di satu kawasan yang kecil di mana penduduknya tidak ramai.

V) HUBUNGAN IPAR hubungan seperti ini adalah juga seperti hubungan

a. Isteri dengan Abang Suami

Hubungan seorang isteri dengan saudara lelaki yang lebih tua dari suami merupakan hubungan 'avoidance'. Mereka berdua tidak pernah bertegur sapa. Oleh hal yang demikian maka tiada istilah panggilan terhadap abang ipar (lihat bab bahagian kinship terminologi). Di kampung itu jika ada perkara mustahak barulah abang pergi berjumpa dengan isteri adik untuk menanyakan sesuatu. Selain dari itu abang kepada suami tidak akan pergi ke rumah adiknya jika adiknya tiada di rumah.

b. Isteri dengan Kakak Suami

Terdapat hubungan saling menghormati diantara isteri dengan kakak suami. Isteri mensifatkan kakak suaminya sebagai kakak sendiri sungguhpun kakak suaminya tinggal di tempat lain iaitu di tempat suaminya. Mereka jarang sekali menziarahi diantara satu sama lain, akan tetapi mereka kerap bertemu dalam kegiatan hari-hari, kerana dalam masyarakat itu hubungan persamaan diantara anggotanya adalah baik.

c. Hubungan dengan Adik Suami

Ujud hubungan yang mesra dan berseluruh diantara isteri dengan adik ipar. Adik lelaki dan perempuan suami boleh berseloroh dengan kakak ipar. Ini adalah kerana adik itu di peringkat lebih rendah dari

kakak ipar. Perhubungan seperti ini adalah juga seperti hubungan diantara adik dengan kakak.

d. Suami dengan Adik Beradik Isteri

Suami menghormati abang dan kakak kepada isteri kerana mereka lebih tua daripadanya. Mereka berhubung secara formal dan tidak terdapat hubungan yang berseloroh. Sungguhpun mereka tidak selalu ziarah menziarahi diantara satu sama lain tetapi sering bertemu di luar rumah dalam kegiatan ekonomi hari hari. Diantara suami dengan isteri /adik lelaki/terdapat hubungan yang mesra. Dalam pada itu siadik tetap menghormati suami kakaknya. Keadaan yang berlainan terdapat diantara suami dengan adik perempuan isteri. Tidak terdapat hubungan yang mesra kerana ada perasaan malu pada adik perempuan isteri terhadap suami kakak. Adik ipar perempuan seboleh-bolehnya cuba mengelak dari bertemu muka dengan suami kakaknya.

ite memberikan berkahwin yang tinggi kepada orang perempuan yang telah berkahwin.

BAB 4

Dari segi ide **PERKAHWINAN** status seorang lelaki selepas berkahwin diberikan dengan pemberian gelaran kepadanya. Sesosong

A. Fungsi Perkahwinan bagi Orang Mendiling

Antara fungsi perkahwinan dalam masyarakat berugama Islam, khasnya masyarakat Mendiling adalah seperti berikut:-

i) pengesahan hubungan jenis diantara lelaki dari masing-masing keluarga yang bersangkutan dengan lelaki dengan perempuan

ii) pengesahan anak-anak yang lahir dari hubungan lelaki dengan perempuan.

iii) merapatkan hubungan diantara keluarga yang berkahwin.

iv) penukaran status bagi orang lelaki; dan perempuan.

Bagi orang-orang Mendiling fungsi keempat itu amatlah penting dari segi hubungan sosial.

Mengikut informan seorang pemuda atau pemudi yang belum kahwin disifatkan sebagai kanak-kanak. Ini adalah kerana pemuda-pemudi itu masih belum ada tanggungjawab yang tertentu. Mengikut mereka lagi dari segi ugama, hukum Islam memberikan status yang tinggi kepada perempuan yang telah berkahwin.

Berdasarkan hukum itulah maka orang-orang dalam masyarakat di kampung

perkahwinan yang terdapat di sepanjang itu adalah bentuk resmogni,

itu memberikan kedudukan yang tinggi kepada orang perempuan yang telah berkahwin.

Dari segi idealnya penukaran status seorang lelaki selepas berkahwin disertai dengan pemberian gelaran kepadanya. Seseorang lelaki bila dilahirkan ia diberi nama misalnya Nor Akil. Nama ini digunakan oleh semua anggota masyarakat bila menegur pemuda ini.

Akan tetapi selepas Nor Akil ini kahwin diadakan istiadat di mana gelaran baru misalnya Shaharudin diberi kepada Nor Akil. Orang lain dari keluarga Nor Akil akan memanggilnya dengan gelaran baru itu.

Manakala kerabat-kerabatnya termasuk ibu, bapa, datuk, nenek dan ibu serta bapa saudara sahaja yang boleh memanggil namanya yang asal.

Keadaan ini tidak lagi terdapat di kalangan orang-orang di kampung itu. Ini mungkin kerana dipengaruhi oleh keadaan tempat yang mana sebahagian besar masyarakat tidak ada mengamalkan sistem dua nama.

Selain dari itu orang-orang itu merupakan satu masyarakat yang kecil di kalangan satu masyarakat yang besar di mana segala urusan menggunakan nama resmi. Jadi sebagai mematuhi sistem pentadbiran tempatan (lain dari tempat asal) mereka meninggalkan upacara memberi gelaran selepas kahwin kepada seseorang lelaki itu.

B. Bentuk Perkahwinan

Sebagai satu masyarakat yang berugama Islam upacara dan bentuk perkahwinan adalah berdasarkan ugama. Oleh itu bentuk perkahwinan yang terdapat di masyarakat itu adalah bentuk monogami.

Walaupun poligami tidak dilarang, bentuk itu tidak didapati dalam masyarakat itu. Tiadanya terdapat poligami di kalangan orang-orang di situ adalah kerana bilangan anggota yang tiada ramai; bilangan kaum lelaki lebih kurang sama dengan perempuan. Disamping itu tidak terdapat orang perempuan janda kahwin bagi kali kedua di kampung itu. Ini ialah kerana tiada lelaki yang sebaya dengan perempuan janda yang tidak beristeri. Dengan keadaan yang demikian didapati bilangan orang perempuan di situ lebih dari lelaki. Sungguhpun kadar bilangan perempuan itu lebih sedikit dari lelaki tetapi bentuk rumah yang kecil (lihat bab pengenalan) tidak menggalakkan orang-orang di situ beristeri lebih dari satu.

Kerap Perkahwinan	Bilangan
Kahwin Pertama	35
Kahwin Kedua	6
Kahwin Ketiga	3
Jumlah	44

BENTUK PERKAHWINAN

Dari data di atas didapati ada juga orang lelaki yang berkahwin lebih dari satu kali. Sungguhpun demikian perkahwinan seseorang bagi kali kedua itu adalah dijalankan selepas isteri pertamanya meninggal dunia.

meninggal dunia. Tiada didapati dalam masyarakat di kampung itu seorang lelaki beristeri dua pada satu masa. Ada juga orang yang kahwin lebih dari dua kali, iaitu setelah isteri pertama dan kedua meninggal dunia. Pada keseluruhan dari kajian yang telah dijalankan terdapat 9 orang lelaki yang telah berkahwin lebih dari satu kali. Bagi orang perempuan pula tidak didapati seorangpun yang telah kematian suami kahwin lagi. Di kampung itu terdapat 4 orang janda (lihat bab 3) yang tidak kahwin selepas suami mereka meninggal dunia.

C. Pemilihan Jodoh dan Sekatan-Sekatannya

1) Pantang Larang

Dalam semua masyarakat di dunia terdapat sekatan-sekatan dalam pemilihan jodoh. Larangan bagi pemilihan jodoh berbeda dari satu masyarakat dengan yang lain. Bagi masyarakat di Kampung Baru Lanjut Manis larangan pemilihan jodoh dan perkahwinan adalah didasarkan kepada hukum Islam.

Kumpulan 'incest' bagi orang-orang Islam adalah meliputi:-

1. saudara seibu seapa
2. emak/bapa, emak/bapa saudara, datuk, nenek dan datuk/nenek saudara
3. anak, anak saudara, cucu dan cucu saudara
4. anak tiri dan emak/bapa tiri
5. saudara sesusu sebelum berumur dua tahun

6. ibu/bapa mertua
7. saudara perempuan isterinya⁽¹⁾

Mengikut keterangan Kadi dalam perkara yang kelima dan ketujuh ada syarat-syarat tertentu. Saudara sesusuan adalah digolongkan kepada orang yang menumpang menyusu dengan anak-anak perempuan yang menyusukan. Jika yang menyusu itu lelaki ia tidak boleh berkahwin dengan semua anak perempuan tempat ia menyusu. Akan tetapi anak orang yang menyusukan lelaki itu boleh berkahwin dengan adik beradik lelaki yang menyusu itu. Saudara kepada lelaki tidak tergolong kedalam saudara sesusuan kerana yang menyusu itu hanya seorang sahaja. Perkahwinan yang dilarang ialah diantara silelaki yang menyusu dengan anak-anak perempuan yang menyusukannya.

Dalam perkara yang ketujuh pula seorang lelaki tidak dibenarkan kahwin dengan saudara isterinya pada satu masa. Ia boleh kahwin dengan adik atau kakak isteri setelah menceraikan isterinya atau jika isterinya meninggal dunia. Apa yang biasa berlaku ialah sisuami mengahwini adik isteri setelah isterinya meninggal dunia demi kepentingan anak-anaknya. Kebiasaan ini dikenali sebagai gantitikar. Selain dari itu larangan perkahwinan didapati diantara orang Islam dengan bukan Islam. Seseorang itu boleh mengahwini seseorang yang bukan Islam jika ia telah dilslamkan.

ii). Endogamy

Perkahwinan yang diamalkan sehingga kajian dijalankan adalah

(1) Temuduga dengan Tuan Kadi Kuala Pilah.

mengikut prinsip endogamy. Pada idealnya perkahwinan sepatutnya bercorak 'exogamous' tetapi kerana penggolongan kepada suku-suku tidak dilakukan lagi, maka corak perkahwinan demikian tidak ada. Di kampung itu oleh kerana bilangan mereka tidak ramai maka kebanyakannya mereka kahwin diantara satu sama lain dalam puak mereka, samada dengan yang ada di Kampung Baru Lanjut Manis atau yang terdapat di Kampung Penaga di Jelebu. Perkahwinan bercorak 'endogamy' di kalangan anggota masyarakat itu adalah untuk mengekalkan identiti mereka sebagai satu puak. Sungguhpun demikian tidak ada larangan bagi anak-anak muda di situ berkahwin dengan orang Melayu tempatan atau lain-lain bangsa yang berugama Islam. Sehingga kajian ini dibuat hanya terdapat dua orang lelaki sahaja yang telah berkahwin dengan perempuan Melayu luar. Seorang daripadanya, perkahwinan dengan perempuan Melayu luar itu adalah perkahwinan yang kedua (lihat bab III). Manakala yang seorang lagi perkahwinan itu adalah bagi kali yang pertama dan beliau adalah seorang anggota keselamatan dan/tinggal tetap di kampung itu. Mengikut informan ada juga terdapat berita bahawa ada pemuda-pemuda yang telah keluar bekerja di bandar meminta izin ibubapa untuk berkahwin dengan gadis Melayu pilihannya. Oleh sebab pengaruh pekerjaan dan pelajaran mungkin pada masa akan datang akan ramai bilangan pemuda pemudi dari masyarakat itu yang akan berkahwin dengan orang-orang Melayu luar dari puak mereka.

Disebelah pihak perempuan pula belum lagi terdapat orang perempuan dari masyarakat itu yang telah berkahwin dengan lelaki Melayu

tempatan. Satu daripada sebabnya adalah bahawa gadis-gadis Mendiling tidak bebas keluar bercampur gaul dengan gadis-gadis Melayu tempatan. Oleh itu pemuda-pemuda Melayu tempatan tidak dapat berkenalan dengan mereka. Selain dari itu sikap orang-orang Melayu memandang rendah terhadap orang-orang Mendiling itu menyebabkan tiada pemuda Melayu yang suka beristerikan gadis Mendiling. Mungkin pada masa akan datang setelah ramai gadis-gadis Mendiling menerima pelajaran menengah dan bekerja di pejabat akan terdapat perkahwinan diantara gadis Mendiling dari kampung itu dengan pemuda Melayu tempatan.

D. Asas-Asas Pemilihan Jodoh

Biasanya dalam masyarakat itu perkahwinan yang amat digalakkan ialah dengan saudara yang dekat dari pertalian darah. Oleh kerana bilangan yang dekat dari anggota dalam masyarakat itu kecil perkahwinan diantara saudara yang dekat tidaklah dijadikan kebiasaan. Mengikut mereka pada idealnya perkahwinan dengan saudara yang dekat adalah sebab-sebab yang berikut:-


- 1) oleh keinginan supaya segala harta yang dipunyaiboleh ibubapa bila meninggal kelak akan memberi faedah kepada seorang yang ada pertalian darah.
- 2) atau untuk sama merasa kesenangan atau kesusahan. Ini berlaku jika seorang itu miskin

sama-sama merasa kesusahan dengan memilih
yang miskin begitu juga sebaliknya;

- 3) untuk menyenangkan seorang perempuan yang telah dikahwinkan menyesuaikan diri dengan kerabat-kerabat suaminya, khasnya adik beradik dan ibubapa suaminya. Perlu di-tegaskan sekali lagi di sini pola penempatan adalah sebelah bapa suami dan oleh itu isteri akan tinggal bersama keluarga orientasi suaminya.

Perkahwinan di kampung itu masih lagi diaturkan oleh ibubapa.

Sekarang ini sianak itu diberitahu terlebih dahulu siapakah gadis yang akan dipinangkan untuk menjadi isterinya. Pada masa dahulu sianak tidak langsung diberi peluang memilih atau mengetahui siapakah yang dipilih oleh ibubapa. Dengan cara yang demikian maka perkahwinan yang digalakkan dalam masyarakat ini adalah merupakan sepupu berselang iaitu antara anak seorang wanita dengan anak saudara lelakinya. Dalam masyarakat ini perkahwinan sepupu berselang diamali di kedua-dua belah pihak iaitu di pihak ibu dan juga di pihak bapa.



Pasangan yang dianggap paling sesuai untuk Ego
 iaitu A atau B. Rajah XVII Perkahwinan yang
digalakkan.

Ego boleh mengahwini anak kepada abang ibunya atau anak saudara perempuan ayahnya. Corak perkahwinan yang demikian dikenali dengan perkahwinan sepupu berselang yang simetris. (2)

Sungguhpun perkahwinan sepupu berselang ini merupakan adat yang digalakkan akan tetapi ianya tidak selalu diamalkan di kampung itu. Ini adalah kerana bilangan penduduk di kampung itu kecil. Ada keluarga yang tidak ada pertalian darah dengan keluarga lain melainkan melalui hubungan 'fictive' dalam puak itu. Jika perkahwinan corak yang demikian diamalkan ahli keluarga yang tiada saudara mara dekat susah hendak mencari pasangan mereka. Selain dari itu perkahwinan terdapat juga diantara anggota-anggota kampung itu dengan anggota-anggota di Kampung Penaga di Jelebu. Apa yang dipentingkan ialah perkahwinan diantara mereka dalam puak itu. Oleh itu pemilihan jodoh yang terdapat di kalangan orang-orang di kampung itu adalah berdasarkan kepada keadaan individu itu. Mengikut informan diantara sifat-sifat yang diperhatikan bagi memilih jodoh ialah kerajinan, sopan santun, taat, budi bahasa yang baik serta kuat beribadat. Sifat-sifat ini adalah untuk kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan. Kriteria

(2) Prof.Dr. Koentjaraningrat. Beberapa Pokok Antropologi Sosial.
 Dian Rakjat, 1967. m.s. 87.

tertentu bagi menentukan sifat-sifat itu tidak dapat dijelaskan oleh informan. Mengikutnya cara menentukan sifat-sifat itu terpulang kepada pandangan individu-individu yang berkenaan. Oleh itu seorang ibubapa akan memilih berdasarkan sifat-sifat di atas dari pandangannya. Cara ini dijalankan selain dari perkahwinan yang digalakkan iaitu perkahwinan 'sepupu berselang'.

E. Umur dan Kekerapan Perkahwinan

Di kalangan orang-orang dalam masyarakat di kampung itu, umur perkahwinan seseorang itu tidaklah ditetapkan. Lazimnya seseorang itu dikahwinkan apabila umurnya meningkat 18 tahun. Sungguhpun begitu angka tetap tidaklah ditentukan dan biasanya anak muda lelaki di situ kahwin dalam lingkungan umur diantara 18 hingga 25 tahun. Tinggi rendahnya peringkat umur perkahwinan mengikut orang-orang Mendiling itu tidak dipersoalkan. Apa yang dipentingkan ialah kesanggupan seseorang pemuda itu memikul tanggungjawab sebagai seorang suami. Ini bererti sanggup bekerja mencari nafkah untuk anak isterinya kerana sebelum dijalankan satu-satu perkahwinan seseorang itu ditanya samada beliau mahu dikahwinkan. Jika ia telah sedia maka dipersetujui cадangan ibubapa dan jika tidak ia akan menolak cadangan itu.

Bagi gadis-gadis peringkat umur juga tidak dipentingkan. Akan tetapi seboleh-bolehnya ia dikahwinkan secepat mungkin kerana mengikut pandangan orang-orang di situ perkahwinan bagi seseorang

perempuan itu meninggikan kedudukannya dari segi ugama. Selain dari itu mengapa peringkat umur tidak penting ialah orang perempuan hanya menunggu pinangan dari pihak lelaki. Jika ada lamaran dan difikirkan bahawa anak gadisnya telah dewasa maka dipersetujui oleh ibubapa sigadis. Oleh hal yang demikian maka terdapat anak gadis yang kahwin pada umur 16 tahun dan ada juga yang telah meningkat 24 tahun.

E. UPACARA PERKAHWINAN

Bagi orang-orang Mendiling ini perkahwinan tidak dibuat dengan cara yang 'elaborate', cukup setakat yang diperlukan oleh ugama sahaja. Dalam hal ini orang-orang Mendiling ini tidak mahu membuang masa dan tenaga menyediakan upacara yang 'elaborate'. Selain dari itu mereka tidak mahu membelanjakan wang mereka terhadap upacara yang tidak mustahak. Perasaan bersinggit-singgit mengadakan kenluri kahwin di kalangan orang-orang di kampung itu tidak ada. Ini bermakna yang mereka itu tidak memberi nilai yang tinggi kepada upacara perkahwinan yang 'elaborate'.

1. MENYULU-YULU

Menyulu-yulu adalah bahasa Mendiling yang ditafsirkan ke dalam bahasa Melayu bererti risikan permulaan. Lazimnya menyulu-yulu membuka jalan kepada suatu perkahwinan di mana risikan yang tidak resmi dari pihak neninang dibuat terhadap pihak sigadis. Tujuan

risikan itu adalah untuk mengetahui samada gadis itu sudah dipunyai atau belum. Selain dari itu melalui menyulu-yulu ini pihak lelaki dapat mengetahui samada hajatnya itu akan diterima oleh ibubapa gadis.

Selalunya orang yang mengambil daya usaha dalam upacara ini ialah bapa silelaki. Ia berunding dengan saudara-saudara yang rapat untuk menetapkan seorang bagi menjalankan upacara ini. Biasanya orang yang dipilih itu ialah kerabat yang karib, iaitu kakak atau adik perempuan bapa silelaki dan kadangkala neneknya. Ada kalanya orang yang menjalankan upacara ini terdiri dari saudara lelaki kepada bapa lelaki. Oleh itu maka tidaklah ditetapkan orang yang menjalankan itu orang perempuan sahaja. Ini tergantung kepada keadaan dan kesanggupan orang-orang yang ditugaskan.

Setelah lepas perundingan orang yang ditugaskan itu akan pergi ke rumah gadis pada masa yang sesuai. Oleh sebab orang-orang di kampung itu kerja pada siang hari maka biasanya wakil lelaki akan pergi selepas maghrib. Di rumah perempuan wakil pihak lelaki akan menyatakan hajat kedatangannya secara tak resmi. Perbualan diantara wakil lelaki dengan ibubapa perempuan dijalankan dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu kata-kata yang dilafaskan adalah lebih kurang berbunyi seperti, "Kedatangan saya ini diutuskan oleh bapa si yang berhajat untuk memetik bunga yang sedang kembang di taman awak sekiranya belum dipunyai oleh orang." Selalunya ibubapa gadis mengiakan risikan dan menerima hajat yang disampaikan oleh wakil

lelaki itu. Jawapan pihak gadis memang telah diduga oleh pihak lelaki kerana sebelum dijalankan risikan pihak lelaki telah meneliti keadaan sigadis dan upacara menyulu-yulu dijalankan sebagai mendapat jawapan dengan resmi. Setelah selesai hajat disampaikan dan jawapan diterima hari meresmikan pertunangan ditetapkan.

sebab itulah Wakil lelaki balik menyampaikan jawapan dan merekapun mengumpulkan sanak saudara memberitahu keputusan risikan yang telah dijalankan dan juga mengingatkan mereka tentang hari pertunangan yang akan diadakan. Disebelah pihak perempuan pula, ibubapa gadis mengumpulkan sanak saudaranya memberitahu mereka yang anak gadisnya telah dipinang orang dan memberitahu sanak saudara yang hadir akan hari pertunangan yang akan diadakan. Pada hari ini adalah untuk memulakan janji yang telah dibuat tempoh hari, adalah keta-taka yang selalu-sila dilafazkan.

2. MARTUNANG

MARTUNANG, biasanya para sigadis meresmikan bahawa undangan itu

Martunang dalam bahasa Melayu bererti bertunang iaitu upacara meresmikan pertunangan diantara seorang lelaki dengan seorang gadis. Upacara ini dijalankan secepat cepatnya satu minggu selepas menyulu-yulu. Pertunangan itu tidak lama. Tempoh yang paling lama menyulu-yulu.

Pada hari yang ditetapkan ibubapa lelaki akan menghantar satu rombongan yang terdiri dari lima hingga tujuh orang lelaki dan perempuan ke rumah gadis. Bilangan orang dalam rombongan tidak ditetapkan; sungguhpun begitu bilangannya tidak terlalu ramai. Rombongan resmi dari pihak lelaki akan membawa satu tepak sirih dan wang tunai sebanyak

\$44.00 jika gadis yang dipinang itu terdiri dari orang biasa. Kalau gadis itu terdiri dari keturunan raja (tidak ada di kampung itu) maka wang tunai \$100.00 pula dibawa. Wang tunai yang dibawa bukanlah wang hantaran atau bridewealth tetapi adalah wang mas kahwin. Wang inilah merupakan tanda resmi pertunangan diantara teruna dan dara. Oleh sebab itulah maka mereka tidak menggunakan cincin sebagai tanda. Pada idealnya cincin memang ada digunakan. Di kampung itu oleh kerana hendak menjimatkan wang dan telah ada kata sepakat maka tidak perlu ada cincin sebagai tanda pertunangan.

Di rumah gadis wakil dari rombongan pihak lelaki akan memulakan perbualan dengan menerangkan tujuan kedatangan mereka itu. 'Kedatangan saya pada hari ini adalah untuk menunaikan janji yang telah dibuat tempoh hari,' adalah kata-kata yang mula-mula dilafazkan. Lepas itu pihak gadis, biasanya bapa sigadis menerangkan bahawa anaknya itu serba kekurangan dan pinangan dari lelaki sangat-sangat disanjungi.

Selesai sahaja upacara menyerahkan tanda wang tunai itu maka rombongan lelaki nemulakan pembicaraan untuk menetapkan hari perkahwinan. Biasanya tempoh pertunangan itu tidak lama. Tempoh yang paling lama pernah berlaku di situ ialah satu tahun dan yang paling cepat ialah satu minggu.

Selain dari meminang dengan cara baik seperti yang telah diterangkan ada pula satu cara mendapatkan gadis yang dikatakan "tinggal tanda". Keadaan ini berlaku bila lelaki dan perempuan itu telah pinak berjumpal di rumah lelaki atau perempuan. Maka

suka sama suka. Oleh hal yang demikian silelaki akan pergi ke rumah perempuan pada waktu malam. Sipemuda akan masuk ke bilik gadis dan membawanya lari ke rumah sipemuda. Sebelum gadis mengikut pemuda itu, pemudai itu akan meninggalkan barang tanda seperti kain atau baju kepunyaan silelaki di tempat tidur gadis. Esoknya bila didapati anak gadisnya tiada dan ada pula pakaian di tempat tidurnya ibubapa gadis pun tahu-lah bahawa anak gadisnya telah dilarikan orang. Sebelum sempat ibubapa gadis hendak mencari satu rombongan dari pihak lelaki datang memberitahu bapa gadis di mana anaknya. Kedatangan rombongan dari pihak lelaki se-lain dari memberitahu adalah juga untuk menentukan wang mas kahwin, kerana bila berlakunya peristiwa demikian ianya akan berakhir dengan perkah-winan. Di sini pihak gadis akan berkeras dengan meletakkan harga yang tinggi. Pihak lelaki akan menawar dan mengharapkan penyelesaian yang cepat. Setelah kedua-dua pihak setuju wali perempuan dijemput ke rumah lelaki menjalankan upacara akad nikah. Bila berlakunya tinggal tanda ini perkahwinan dijalankan setelah mendapat penyelesaian dari kedua pihak.

3. MARBAGAS

Dalam bahasa Melayu marbagas ini ertiinya bersatu atau ber-sanding. Oleh itu upacara akad dilangsungkan pada hari mengadakan marbagas bagi orang-orang Mendiling ini.

Pada hari yang ditentukan semua saudara mala kedua-dua belah pihak berkumpul di rumah lelaki atau perempuan. Waktu

siangnya kenduri diadakan di rumah perempuan. Biasanya bersempena dengan hari perkahwinan itu di rumah pengantin perempuan diadakan istiadat berkhatam Quran. Para jemputan dan saudara mara yang hadir diberi jamuan. Sebaliknya di rumah pengantin lelaki tidak ada apa-apa jamuan kerana tiada jemputan pada hari itu. Selepas sembahyang maghrib pengantin lelaki serta dengan rombongannya pun turun dari rumah menuju ke rumah perempuan. Tujuan pergi itu ialah untuk menjemput pengantin /akad perempuan dibawa balik bagi menjalankan istiadat/nikah. Pengantin diiringi oleh saudara mara dan sahabat handai, dan sambil mengiring itu mereka berzanji. Setelah sampai di rumah pengantin perempuan wakil rombongan pun menerangkanlah tujuan kedatangan mereka itu. Percakapan diantara kedua-dua orang wakil itu penuh dengan tata tertib sambil merendahkan diri masing-masing. "Saya datang ini adalah mengikut janji menjemput si" adalah diantara kata-kata yang lazim digunakan.

Selesai sahaja pembicaraan pengantin lelaki serta rombongannya dijamu. Selepas jamuan pengantin perempuan dipanggil keluar ke serambi rumah duduk di hadapan ibubapanya serta dengan saudara mara yang lain. Kemudian segala yang hadir dipihak perempuan akan memberi nasihat seorang lepas seorang diperhatikan oleh pengantin lelaki dengan rombongannya. Setelah nasihat diberi penganting lelaki dan rombongannya turun dahulu diikuti pula oleh pengantin perempuan serta dengan pengiring-pengiring yang membawa alat-alatan seperti dapur, pinggan mangkuk, almari tilam dan lain-lain keperluan rumah. Alat-alatan ini

disediakan oleh ibubapa pengantin perempuan untuk dibawa bersama ke rumah bakal suaminya. Peralatan itu disediakan mengikut kemampuan bapa siperempuan. Tujuan menyediakan barang-barang itu ialah untuk menyenangkan anak yang akan dikahwinkan menempuh hidup baru.

Sambil berjalan menuju ke rumah lelaki, pengantin lelaki berjalan di hadapan dan pengantin perempuan di belakangnya. Pihak perempuan yang mengiringi mempelai dan pengantin itu terdiri dari saudara yang dekat sahaja. Setelah sampai di rumah lelaki bapa pengantin lelaki akan mengutuskan seorang dari kaum kerabatnya untuk menjemput bapa pengantin perempuan supaya mewalikan istiadat akad nikah itu.

Istiadat akad nikah dijalankan di rumah pengantin lelaki. Para jemputan dan sekelian yang hadir dihidangkan dengan jamuan ringan selepas selesai upacara akad nikah. Upacara hanya dilanjutkan dengan para hadirin yang masih ada berzanji.

Pada keesokan harinya kenduri diadakan di rumah pengantin lelaki. Di hari itu juga satu istiadat menasihatkan kedua suami isteri itu diadakan. Upacara menasihatkan itu diadakan di sebelah pagi sebelum waktu makan tengah hari. Kedua-dua orang pengantin baru duduk di serambi dikelilingi oleh emak dan bapa saudara kedua-dua belah pihak. Tiap-tiap orang bergilir-gilir menasihatkan pasangan suami isteri itu.

Semasa tiap-tiap seorang sedang bercakap pasangan suami isteri itu serta yang hadir diam mendengar nasihat dengan tekun. Nasihat itu dituturkan dalam bahasa Mendiling. Kedua-dua orang pengantin itu diingatkan tentang tanggungjawab masing-masing supaya perkongsian hidup mereka kekal sehingga ke akhirat. Mereka dinasihatkan supaya

bertimbang rasa diantara satu dengan lain dalam tugas mereka sebagai suami isteri. Segala aspek kehidupan baru yang akan ditempuhi diingatkan oleh penasihat-penasihat itu. Upacara menasihat itu diakhiri dengan doa selamat, disertai dengan jamuan makan tenhahhari.

Para tetamu dijamu berperingkat-peringkat iaitu orang tua dan dewasa lelaki diberi keutamaan. Tiap-tiap orang tetamu dihidangkan satu hidangan seorang yang mengandungi dua tiga jenis lauk pauk, nasi dan air minum. Oleh itu para tamu menghadapi satu hidangan tiap-tiap seorang (lihat bab pengenalan). Setelah selesai orang tua-tua dan dewasa kanak-kanak pula diberi jamuan. Di kalangan orang-orang perempuan pun begitu jua caranya.

4. MENGULANG ARI

Selepas sahaja berlangsungnya istiadat perkahwinan sepasang suami isteri itu akan mengulang ari atau bertandang ke rumah ibubapa pengantin perempuan. Upacara mengulang ari ini boleh dilangsungkan oleh pasangan suami isteri yang baru pada hari berlangsungnya perkahwinan, iaitu di sebelah petang. Akan tetapi di kampung itu lazimnya mengulang ari atau menyembah itu dibuat selepas tiga hari atau selewat-lewatnya seminggu dari hari perkahwinan. Rombongan sepasang suami isteri yang baru itu akan membawa bersama mereka bekalan nasi dan lauk pauk semasa bertandang ke rumah ibubapa isteri. Sampai di rumah siisteri segala bekalan itu diserahkan kepada mertua lelaki. Pengantin baru serta rombongan dijamu dengan masakan di rumah perempuan. Nasi

dan pauk pauk yang dibawa tidak dimakan oleh mereka tetapi adalah untuk keluarga ibubapa perempuan.

Dalam keadaan yang ideal pengantin perempuan membawa bersama nya sirih yang sudah berkapur bila balik ke rumah ibubapanya. Oleh itu bila kedua pengantin hendak balik siperempuan akan memberi sekapur sirih kepada tiap-tiap orang yang berada di rumah itu. Pemberian ini adalah sebagai tanda mengucapkan selamat tinggal dan terimakasihnya kepada semua yang ada. Disamping itu ibubapa pengantin perempuan pula dibekalkan kepada kedua orang suami isteri itu makanan dan binatang ternakan seperti ayam dan itik untuk mereka memulakan penghidupan baru.

ialah di bilangan anggota masyarakat itu. Oleh sebab bilangan penduduk yang besar dalam suatu perpaduan siisteri anggota-anggota itu

BAB 5

tidak ada tindak perceraian diantara pasangan suami isteri di sini. Untuk menyatakan PENCERAIAN dan kesahsuhan masyarakat di

pasangan suami isteri bertimbang rumah sayur dapat dilakukan. Penceraian ialah satu perkara yang biasa dalam masyarakat yang berugama Islam. Orang-orang di dalam masyarakat di Kampung Baru Lanjut Manis tidak terkecuali dari fenomena itu. Sungguhpun demikian kadar perceraian amatlah rendah hanya terdapat satu kes sahaja.

Semenjak orang-orang Mendiling itu tinggal di Langkap dan seterusnya di Kampung Baru Lanjut Manis tidak terdapat kesah orang suami isteri bercerai melainkan satu yang telah dinyatakan. Sebab-sebab yang nyata maka berlakunya perceraian itu tidaklah dapat dipastikan. Dari perhatian pengkaji punca penceraian itu mungkin kerana siisteri yang berketurunan raja dari daerah Jelebu tidak tahan tinggal di kawasan yang jauh dan keadaan rumah yang kecil. Didapati bahawa orang-orang Mendiling di Jelebu itu lebih maju dari orang-orang di Terachi.

A. SEBAB KURANG PENCERAIAN

1. Untuk Menjaga Perpaduan

Orang-orang yang terdapat di masyarakat Kampung Baru Lanjut Manis ini terdiri dari satu suku bangsa yang tersing dari orang Melayu tempatan. Bilangan penduduk di kampung itu tidak besar.

Mereka merupakan satu komuniti kecil yang tersing dan perkahwinan

adalah di kalangan anggota masyarakat itu. Oleh sebab bilangan penduduk yang kecil dalam mana perpaduan diantara anggota-anggota itu teguh maka tidak terdapat penceraian diantara pasangan suami isteri di situ. Untuk menjaga perpaduan dan keamanan masyarakat itu maka tiap-tiap pasangan suami isteri bertimbang rasa supaya dapat menge-lakkan konflik diantara mereka yang akan membawa kepada penceraian.

2. Kesedaran Tanggungjawab

Perkahwinan yang didapati dalam masyarakat di situ ialah

bercorak endogami. Pemilihan pasangan yang sangat digalakkan ialah sepupu berselang. Kedua-dua faktor di atas mempereratkan lagi perkongsian diantara suami isteri . Selain dari itu upacara perkahwinan yang diamalkan juga mengurangkan kadar penceraian di dalam masyarakat itu. Dalam organisasi perkahwinan terdapat satu upacara di mana orang tua-tua yang bertalian darah dengan kedua-dua orang pengantin memberi nasihat kepada mereka. Ibubapa dan saudara mara pengantin perempuan menasihatkan pengantin perempuan sebelum ia meninggalkan rumah di hadapan pengantin lelaki dan rombongannya. Nasihat-nasihat begini amat berkesan sehingga tiada berlakunya cerai berai di kalangan pasangan suami isteri di situ. Selain dari upacara akad nikah orang-orang Mendiling ini sangat mementingkan upacara menasihatkan kedua orang pengantin baru itu.

3. Nilai Masyarakat

Satu lagi sebab yang mengurangkan berlakunya penceraian di

situ ialah sikap masyarakat di situ yang tidak mementingkan keben-/tidak daan. Pada amnya mereka/memberi nilai'an yang tinggi kepada perkara-perkara seperti barang-barang kemas dan perabut-perabut rumah yang mahal harganya. Oleh itu perasaan ingin menandingi jiran-jiran dan mempunyai hak milik yang lebih dari jiran tetangga tidak ada.

Keinginan untuk menandingi jiran dan melebihi mereka inilah yang biasanya menjadi punca perpecahan rumah tangga. Isteri akan mendesak suami mendapatkan barang-barang yang dianggap bernilai oleh masyarakat dan desakan-desakan tidak berhenti itu akan menimbulkan kmarahan dan perkara ini mungkin berakhiri dengan penceraian. Oleh sebab sikap dan nilai yang demikian tidak terdapat di kalangan anggota masyarakat itu maka tidaklah terdapat keruntuhan rumah tangga.

Orang-orang Mendiling ini hanya mementingkan harta-harta yang memberi faedah kepada mereka seperti tanah, kebun atau sawah.

4. Kadar Bilangan Lelaki Terhad

Terdapatnya janda-janda di kampung itu bukan kerana penceraian oleh suami tetapi ialah kerana suami mereka meninggal. Selalu-nya dalam masyarakat itu perempuan yang kematian suami tidak pernah berkahwin lagi. Ini mungkin kerana mereka terlalu mementingkan perkahwinan endogami. Oleh kerana ahli kumpulan mereka itu kecil bilangannya maka bilangan lelaki juga adalah terhad. Tidak terdapat seorang pun lelaki yang berumur lebih dari 30 tahun yang tidak beristeri. Oleh sebab itulah janda-janda khasnya yang telah tidak dapat

mencari pasangan kecuali dengan mengambil suami orang lain akan membabit tetapi di kampung itu tidak terdapat orang-orang yang mengamalkan poligami. Disebaliknya pula lelaki yang kematian isteri umumnya kahwin lagi. Ada diantara mereka yang kahwin dengan anak dara dan ada pula dengan janda.

(b) anak-anak

Lokaliti yang sama adalah juga punca yang mengurangkan kadar penceraian di kalangan orang-orang Mendiling ini. Mereka hidup dalam satu kampung yang terpencil yang tidak bercampur gaul dengan orang Melayu tempatan. Perhubungan persemuakaan diantara anggota masyarakat nyata. Oleh itu jika berlaku penceraian pasangan suami isteri akan berasa malu. Penceraian dalam masyarakat yang tinggal di satu kawasan yang terhad akan melonggarkan perpaduan diantara anggota-anggotanya. Oleh kerana hendak mengekalkan perpaduan dan identiti puaknya maka anggota-anggota masyarakat patuh kepada norma dan ini merapatkan lagi hubungan suami dan isteri.

Sepatutnya dalam masyarakat yang mengikut sistem nisab bapa di mana orang lelaki lebih berkuasa penuh terdapat kadar penceraian yang tinggi. Di dalam masyarakat di Kampung Baru Lanjut Manis faktor-faktor tempatan dan keadaan tertentu menolong mengurangkan kadar penceraian.

B. AKIBAT PENCERAIAN

Penceraian boleh menimbulkan masaalah sosial kepada suami

isteri dan juga orang-orang yang terlibat dengan mereka. Oleh sebab inilah maka banyak ugama dan bangsa di dunia ini yang tidak membenarkan penceraian berlaku. Akibat-akibatnya boleh dilihat kesannya keatas

(a) suami isteri yang bercerai

(b) anak-anak

(c) kedua keluarga orientasi suami dan isteri

(d) harta benda bila berlakunya penceraian. Maka kesan-

1. Suami isteri yang bercerai

Siisteri terpaksa meninggalkan rumah suaminya dan balik ke rumah ibubapanya. Oleh itu hubungan suami isteri putus terus. Sisua mi tinggal bersama anak-anaknya dan jika tidak kahwin lagi terpaksa memikul tanggungjawab isteri menguruskan anak-anaknya. Isteri yang diceraikan itu balik ke rumah ibubapanya dan merupakan satu bebanan kepada mereka. Ia seolah-olah menumpang di tempat sendiri kerana ia tiada hak yang sepenuhnya keatas harta benda ibubapanya. Mengikut sistem kekeluargaan yang diamalkan kuasa penuh terserah kepada anak lelaki.

Oleh itu kesan yang buruk jelas kelihatan menimpa isteri yang diceraikan daripada suami. Sisua mi ada tempat tinggal yang tetap dan untuk mengatasi kerumitan urusan rumah tangga ia senang mengahwini perempuan lain. Bagi perempuan-perempuan janda pula dalam masyarakat yang sangat mementingkan identiti mereka susah hendak mencari suami,

terutama sekali bila bilangan lelaki terhad.

2) Kepada anak-anak

Di kalangan orang-orang Mendiling ini bila berlakunya perceraian semua anak-anak tinggal dengan bapa mereka. Ini adalah kerana orang-orang ini mengikut sistem nisab bapa. Anak-anak suami isteri yang bercerai itu tiada tempat dan hak sama sekali di rumah ibu mereka. Dengan hal yang demikian bila berlakunya perceraian diantara suami isteri maka secara tidak langsung berlaku perpisahan diantara anak dengan ibu. Hubungan anak dengan bapa tetap kekal walaupun bapa mereka kahwin lagi. Oleh itu di kalangan orang-orang Mendiling ini walaupun suami dan isteri itu berpisah anak-anak mereka tidak terbiar.

3) Kepada keluarga orientasi suami dan isteri yang bercerai

Dalam masyarakat di kampung itu perkahwinan yang digalakan ialah sepupu berselang. Jadi di sini sekiranya perceraian berlaku ia bukan sahaja melibatkan kedua suami isteri tetapi kedua-dua keluarga orientasi mereka. Oleh hal yang demikian perceraian suami isteri merengangkan hubungan dan akhirnya memutuskan hubungan keluarga orientasi suami dan isteri yang terlibat. Akibatnya tidaklah setakat putusnya hubungan akan tetapi menimbulkan rasa sakit hati dan mungkin pergaduhan berlaku diantara kedua keluarga. Fenomena ini menjadi satu ancaman kepada perpaduan masyarakat itu. Ini adalah satu satunya perkara yang mereka tidak ingin berlaku kerana hidup mereka berdasarkan kepada perpaduan dan kerjasama.

4) Harta benda

Dalam membicarakan fenomena penceraian bukan sahaja orang orang yang ada kaitan dengan suami isteri itu sahaja yang terlibat tetapi juga harta benda seperti tanah, rumah dan lain-lain barang yang berharga. Dalam hal ini terdapat beberapa klasifikasi harta iaitu harta yang dibawa, harta sepencarian, dan harta yang sedia ada. Dalam masyarakat ini harta yang dibawa ialah harta dalam bentuk barang-barang yang dibawa oleh isteri ke rumah suami, bila mereka berkahwin. (Lihat bab 5 perkahwinan). Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama suami isteri semasa mereka tinggal sebagai suami isteri. Harta bentuk ini ialah seperti tanah kebun atau sawah dan lain-lain perkakas rumah dan perhiasan. Kategori harta yang ketiga ialah harta suami yang diperolehi dari ibubapanya sebelum ia berkahwin. Selalunya harta jenis yang ketiga ini adalah dalam bentuk tanah kampung, dan rumah.

Bila berlakunya penceraian maka harta benda yang ada itupun dibahagi-bahagikan diantara suami dan isteri. Isteri mendapat balik semua harta yang dibawa bersama dari rumahnya semasa mula-mula kahwin dulu. Jadi harta yang dibawa dipulangkan semuanya kepada isteri. Suami tidak berhak langsung keatas harta jenis ini. Harta sepencarian pula dibahagikan sama rata diantara suami dan isteri. Ini ialah kerana harta itu sama dicari semasa mereka tinggal sebagai suami isteri. Disamping itu isteri tidak mendapat apa-apa bahagian dari harta yang sedia ada iaitu harta suami sebelum ia kahwin. Harta jenis ini tidak dapat dibahagikan jika suami isteri itu bercerai. Keadaannya berlainan jika

isteri bercerai mati iaitu suami meninggal dunia. Dalam keadaan demikian isteri dapat $1/8$ dari semua harta yang dimiliki oleh suaminya (lihat pewarisan bab 2). Pembahagian $1/8$ bagi isteri itu termasuk rumah yang diduduki kerana bila sisuami mati isteri tidak balik ke rumah ibubapanya tetapi tinggal di rumah suami bersama dengan anak-anaknya. Ini mungkin diantara sebab-sebab mengapa janda di kampung itu tidak kahwin lagi. Jika ia kahwin ia terpaksa meninggalkan rumah dan anak-anaknya kerana mengikut suami yang baru. Demikian keadaan yang ideal akibat-akibat dari penceraian di kalangan orang-orang Mendiling di kampung Baru Lanjut Manis.

Banyak juga sistem hakimah bahawa terdapat perubahan-perubahan di dalam menyatakan itu. Perubahan itu disebabkan oleh aliran pelajaran dan pengaruh yang dijalankan oleh kerajaan. Walau pun ada perubahan ini, masih banyak sistem keluargaan di sana yang masih menggunakan sistem perunduan seluruh menyatakan. Dari sistem keluargaan yang dimulakan dapat kita lihat sejak masa perpaduan yang berjaya di menyatakan. Selain dari sistem keluargaan bilangan penduduk yang besar juga dalam faktor yang mengaruhkan lagi hubungan diantara anggota-anggota keluargaan.

Selain tidak mengakui konsep suku di menyatakan itu jelas membuktikan rata perubahan yang terdapat. Ini adalah kerana meningkatnya dagang dan harta yang ciporelahi ialah dengan pada mulanya perburuan kerajaan kumpulan dibentuk. Guna sebab tidak ada sistem atau maka para bapa dilantik di bagian rumah sendiri. Pada hal meng-

BAB 6

KESIMPULAN

Ini ialah satu huraian dan analisa sistem kekeluargaan sebagai rangka hubungan yang mengatur anggota masyarakat dalam hubungan yang tersusun. Sungguhpun komuniti itu merupakan masyarakat yang kecil diantara satu masyarakat yang besar anggotanya masih dapat mengekalkan adat resam yang dibawa dari tanah asal mereka. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perubahan-perubahan di dalam masyarakat itu. Perubahan itu disebabkan oleh adanya pelajaran dan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Walaupun ada perubahan yang berlaku sistem kekeluargaan di suasana sekarang masih mempunyai fungsi dalam perjalanan seluruh masyarakat. Dari sistem kekeluargaan yang diamalkan dapatlah dilihat sejauh mana perpaduan yang terdapat di masyarakat itu. Selain dari sistem kekeluargaan bilangan penduduk yang kecil juga adalah fakta yang mengeratkan lagi hubungan diantara anggota-anggota masyarakat.

Dengan tidak mengamalkan konsep suku di masyarakat itu jelas membuktikan satu perubahan yang terdapat. Ini adalah kerana mereka merupakan orang dagang dan harta yang diperolehi ialah dengan pada mula-nya pemberian kerajaan kemudian dibeli. Oleh sebab tidak ada sistem suku maka nama bapa diletakkan di hujung nama sendiri. Pada hal mengi-

kut sistem orang-orang itu bapa tidak boleh disebut. Perubahan ini ialah kerana mereka mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Di sekolah nama bapa atau ibu itu perlu sebagai penjaga murid. Dari pelajaran yang diperolehi golongan muda dari masyarakat itu mula keluar mencari pekerjaan baik dengan kerajaan maupun dengan pihak swasta. Sebelum itu mereka hanya bertani dan tidak mahu keluar untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Nilai orang tua-tua terhadap pelajaran pun telah berubah. Sebelum 1957 sikap orang-orang di situ terhadap pelajaran sangat buruk. Anak-anak setelah sampai darjah 6 diberhentikan dari sekolah terutamanya kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan kepada bentuk perkahwinan dan perhubungan sosial masyarakat Mendiling di kampung itu merupakan satu masyarakat yang tertutup. Perkahwinan exogamy tidak digalakkan sungguhpun ada terdapat dua orang lelaki yang telah berkahwin dengan orang luar, dari kawasan mereka. Kaum perempuan pula tidak ada yang berkahwin dengan orang dari luar masyarakat itu. Ini adalah kerana orang-orang Melayu di Terachi mengamalkan sistem matrilineal di mana setelah kahwin silelaki tinggal bersama isteri di tempat isteri. Manakala orang-orang di Kampung Baru Lanjut Manis mengamalkan sistem patrilineal dan tempat tinggal selepas kahwin adalah patrilocal. Oleh itu bagi pemuda Melayu untuk memilih gadis dari masyarakat itu sebagai isteri mendatangkan kesulitan dari aspek tempat tinggal. Pasangan baru itu terpaksa mencari satu tempat baru sebagai tempat tinggal mereka. Selain dari itu tiada terdapat pemuda-pemuda Melayu mengahwini gadis dari masya-

kat ini adalah sikap dan pandangan yang rendah terhadap masyarakat itu. Orang-orang Melayu mahupun Terachi atau di daerah Kuala Pilah menganggap masyarakat Mendiling itu sebagai rendah tarafnya. Segala kelakuan dan cara pakaian yang tidak sesuai yang dipakai oleh orang-orang Melayu selalu diumpamakan dengan orang-orang Mendiling. Ungkapan seperti, "Macam orang Mendiling" selalu diucapkan sebagai menegur kelakuan atau cara pakaian seseorang itu. Oleh itu untuk mengikis sikap orang-orang Melayu ini orang-orang Mendiling terpaksa keluar bersama pur gaul lebih kerap dengan anggota masyarakat yang besar yang ada di daerah itu.

Kebanyakan anggota-anggota masyarakat Mendiling ini masih memenuhi kegiatan ekonomi mereka di bidang pertanian. Oleh itu cara pengeluaran masih bentuk lama di mana tenaga manusia diutamakan. Disamping itu orang-orang dari masyarakat ini telah mula menerima pembaharuan dalam teknik pengeluaran hasil tani terutamanya padi. Dahulu di mana bajak digunakan sekarang telah diganti dengan traktor dan baja-baja kimia digunakan untuk menyemburkan tanaman mereka. Dalam aspek ini pergaulan orang-orang dari masyarakat ini adalah baik. Ini ialah kerana orang-orang ini terpaksa menyewa sawah orang-orang Melayu kerana mereka kekurangan tanah. Oleh kerana sawah disewa dan untuk mendapatkan hasil yang menguntungkan mereka terpaksa menggunakan teknik-teknik baru dalam mengerjakan sawah padi.

I. PENGARUH LUAR TERHADAP

A) SISTEM KELUARGAAN

Sehingga kajian dibuat tidak terdapat pengaruh yang luas dan

mendalam keatas sistem kekeluargaan yang diamalkan oleh orang-orang di masyarakat itu. Apa yang jelas terdapat ialah unsur-unsur bahasa dalam istilah panggilan yang digunakan oleh anak-anak muda di situ. Panggilan datuk dan nenek adalah merupakan perkara yang biasa. Pengaruh-pengaruh luar ini pula dapat meresap setelah orang-orang mendiling ini pindah ke kampung sekarang 20 tahun dahulu. Dari segi sistem kekeluargaan pula orang-orang di situ masih mengikut nisab bapa. Sistem nisab bapa ini mungkin berubah menjadi bilateral. Ini ialah kerana tempat kawasan kampung yang terhad untuk menampung bilangan yang bertambah. Oleh itu hubungan yang rapat terdapat diantara pihak ibu dan juga bapa. Tempat tinggal selepas kahwin juga mungkin berubah dari patrilocal kerana kesesakan kawasan untuk tinggal di situ. Oleh kerana hubungan yang kekal diantara orang-orang Mendiling di Kampung Baru Lanjut Manis dengan tempat asal mereka tidak diperlanjutkan maka sistem kekeluargaan dan adat istiadat yang diamalkan untuk menentukan identiti masyarakat itu akan beransur-ansur hilang.

B. PERKAHWINAN

Mengikut upacara yang telah diamalkan selain dari wang mas kahwin tidak terdapat item-item lain. Akan tetapi sekarang telah terdapat unsur-unsur mengadakan wang hantaran dan cincin digunakan dalam proses perkahwinan. Adanya unsur-unsur luar ini ialah kerana terdapat anak-anak muda yang keluar bekerja di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur. Anak-anak muda ini selain menjadi ajen perubahan memilih pasangan hidup mereka gadis dari luar masyarakat mereka.

Satu bukti telah dinyatakan di dalam bab tentang perkahwinan. Satu kes telah diterangkan oleh seorang bapa (Nanjuda nsmany) kepada sipengkaji yang mana seorang dari dua orang anaknya yang bekerja di Kuala Lumpur menyatakan kepadanya (informan) bahawa ia akan mengambil seorang gadis (nama tak dinyatakan) dari Kuala Lumpur sebagai isterinya. Dengan adanya perkahwinan diantara orang-orang dari masyarakat itu dengan orang luar maka unsur-unsur luar seperti wang hantaran, cincin, perhiasan dan lainnya terpaksa diikuti oleh masyarakat itu.

Dalam upacara pula berhina dan bersandingpun telah mula diadakan. Adanya upacara-upacara ini adalah akibat dari perkahwinan yang berlaku dengan orang luar dari masyarakat itu. Justru kerana itu dengan bertambahnya unsur-unsur luar dalam proses dan upacara perkahwinan lama kelamaan akan menjadi adat istiadat mereka pula.

c) Ugama

Orang-orang dari masyarakat itu adalah merupakan orang-orang yang taat dan kuat berugama. Tiada terdapat apa-apa perbedaan dari segi amalan mereka dengan orang luar dari masyarakat itu. Malahan anggota masyarakat itu lebih mementingkan ugama dalam kehidupan hari-hari mereka. Kanak-kanak belum bersekolah telahpun mula belajar membaca Quran serta lain-lain aspek

ugama terutamanya menunaikan sembahyang. Yang berbeda ialah cara menyambut sesuatu perayaan. (Lihat pengenalan bahagian Intarbela-kang). Anggota masyarakat itu lebih kepada didikan ugama daripada bersekolah secara formal, pada peringkat generasi tua. Walaupun bagaimanapun sekarang golongan muda sama pentingkan didikan ugama dan pelajaran am. 20 orang menjadi anggota Persekutuan Belia di Kampung Itali. Dari penyertuan penzu-penzu dari kampung itu.

D) Politik — Di kampung mengikut sejumlahnya bukan generasi muda yang aktif dalam politik. Mereka membentuk persatuan mereka sendiri dalam parti. Dalam sistem pentadbiran sekarang terdapat seorang ketua kampung yang dilantik oleh anggota-anggota masyarakat sebagai orang perantaraan masyarakat itu dengan pihak kerajaan. Sistem politik tradisional yang pada idealnya terdapat di tanah asal tidak terdapat di kampung itu. Ini ialah kerana sistem suku tidak diamalkan begitu juga bilangan penduduk yang tidak ramai. Tambahan pula orang-orang yang ada sekarang itu terdiri dari dua generasi, satu terdiri dari orang-orang yang mula-mula berhijrah ke tempat ini iaitu yang dilahirkan di Sumatra dan satu lagi generasi muda yang dilahirkan di kampung itu. Oleh kerana tiada asas sistem politik maka dengan mudah menerima sistem politik tempatan. Didapati kebanyakkan anggota masyarakat itu menjadi ahli biasa Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO - United Malay National Organization) dan ada juga menjadi ahli Pas (Parti Islam Semenanjung - PIMP).

Di peringkat pemuda pula ada seorang yang sangat aktif di kampung iaitu Inisiatif bagi memulihkan pengaruh Islam di kampung Itali.

dalam pergerakan belia tempatan. Beliau ialah Dain yang menjadi Pengurus Persatuan Belia 4B Kampung Ibol Terachi yang dianggotai oleh pemuda-pemudi mukim Terachi. Beliau ini pernah mewakili Persatuannya ke Persidangan Agung Kebangsaan Belia 4B Malaysia pada tahun 1972 dan 1973. Selain dari Dain terdapat semua pemuda kampung itu seramai 20 orang menjadi anggota Persatuan Belia 4B Kampung Ibol. Dari penyertaan pemuda-pemuda dari kampung itu dalam pergerakan belia tempatan menunjukkan bahawa generasi muda akan datang sanggup keluar memainkan peranan mereka dalam pembangunan negara. Mereka tidak lagi merasakan diri mereka itu rendah dan sanggup berkecimpung dalam arena politik tempatan jika diberi peluang.

Orang-orang perempuan masih belum memainkan apa-apa peranan di luar tanggungjawab mereka dalam rumah tangga. Pemudi-pemudi belum lagi diberi peluang menyertai persatuan belia. Dalam pertubuhan wanita tempatan juga wanita dari kampung itu tidak ada mengambil bahagian. Orang-orang di kampung itu masih kuat lagi berpendapat tempat kaum perempuan di rumah menjaga anak-anak mereka. Kepada mereka penyertaan kaum perempuan dalam hal-hal yang mana orang lelaki lebih dipentingkan adalah dipandang sunting, kerana dalam pergerakan itu kelak terutamanya dalam pergerakan belia pergaulan yang bebas diantara lelaki dengan perempuan tidak dingini. Dalam gerakan wanita pemimpin wanita tempatan patut mengambil inisiatif bagi menarik orang-orang perempuan kampung itu menjadi ahli persatuan itu. Kerana dengan termasuknya orang-

orang perempuan dari kampung itu kelak akan mendedahkan mereka kepada kemajuan-kemajuan yang dijalankan dan tercapai dalam urusan rumah tangga. Disamping itu perasaan rendah diri kaum perempuan kampung itu pun mungkin hilang dan dapatlah mereka memainkan peranan yang aktif dalam masyarakat mereka seperti mana yang sedang dijalankan oleh belia-belia di situ.

E) Pelajaran

Masyarakat ini tidaklah merupakan satu masyarakat yang buta huruf kerana anggota-anggotanya tahu membaca sekurang-kurangnya tulisan jawi. Sungguhpun kebanyakannya anggota-anggotanya terutamanya generasi yang tua tidak pernah bersekolah secara formal mereka diberikan didikan pondok di mana mereka belajar dengan seorang Tok guru tentang ugama. Oleh itu mereka diajar disamping dari ugama, membaca dan menulis jawi. Dengan dasar inilah maka pada mulanya mereka hanya menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah Melayu itu pun setakat darjah 6 sahaja. Mereka lebih pentingkan ajaran ugama dari sekolah secara formal. Mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah pun sekadar untuk mengetahui menulis dan membaca bukan dengan tujuan untuk mencari kerja yang lebih baik untuk membaiki taraf hidup mereka.

Sekarang dengan adanya kemudahan-kemudahan yang baik serta kesedaran di kalangan generasi baru maka kanak-kanak dihantar ke sekolah Melayu dan Inggeris di samping sekolah ugama.

(lihat bab pengenalan bahagian latarbelakang). Oleh adanya kesedaran ini maka telah ada seramai 2 orang pemuda yang sampai ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sungguhpun mereka itu gagal. Kedua-dua pemuda itu sekarang berada di India mengikuti satu kursus anjuran Kerajaan Negeri bahagian teknik bagi pekerja-pekerja mahir untuk perusahaan yang sedang dijalankan oleh kerajaan. Selain dari itu pengaruh pelajaran ini ada beberapa pemuda yang telah keluar bekerja di bandar-bandar besar yang mana dahulunya tidak dimimpikan oleh abang-abang mereka.

Bagi pihak perempuan keadaannya masih tidak berubah. Belum ada diantara mereka yang sampai ke sekolah menengah kecuali 2 orang di sekolah menengah rendah ugama. (Lihat bab pengenalan). Dari segi pekerjaan tidak ada langsung. Oleh kerana tidak ada kaum perempuan yang keluar bekerja maka tiada terdapat orang lelaki yang berkahwin dengan perempuan dari masyarakat itu. (Lihat permulaan bab ini).

P) Ekonomi

Sebahagian besar dari anggota masyarakat itu masih lagi merupakan petani. Ini adalah kerana kegiatan mereka itu bertani. Sungguhpun demikian mereka menggunakan alat-alat baru untuk bersawah. Rancangan kerajaan menanam padi dua kali setahun diikuti dengan sungguh-sungguh. Satu perkara yang

kurang memuaskan ialah mereka ini tidak ada sawah sendiri. Sawah-sawah yang dikerjakan disewa dari orang Melayu tempatan. Selain dari bersawah mereka menorih getah sendiri dan menanam sayur-sayuran di kebun di Langkap. Sayur-sayuran ini dijual di pasar-pasar minggu di Tanjung Ipoh, dan di bandar Kuala Pilah. (Lihat peta). Kerja tani ini dijalankan oleh orang-orang tua dibantu oleh pemuda-pemuda yang masih ada di kampung itu.

Pengaruh luar iaitu kerja untuk makan gaji telah mula meresap di kalangan pemuda-pemuda di situ. Ini adalah akibat dari pengaruh pelajaran dan kesedaran pemuda-pemuda itu iaitu untuk maju dalam kehidupan mereka terpaksa keluar bercampur dengan masyarakat di luar tidak lagi duduk dalam masyarakat mereka sahaja.

Dengan yang demikian terdapat beberapa orang yang telah keluar makan gaji (lihat bab ini - pelajaran). Dengan adanya kesedaran ini maka pada masa hadapan lebih ramai lagi yang akan keluar mencari kerja dan menikmati kemewahan di bandar. Kerana dari cerita yang dibawa oleh rakan-rakan mereka yang telah keluar itu memberi dorongan kepada yang lain untuk merasainya kelak. Pakaian mereka yang telah keluar kerja itupun berubah. Kesannya dapat dilihat pada anak-anak muda yang ada di kampung yang mana ada diantara mereka yang berambut panjang dan memakai pakaian yang cantik mengikut perkembangan dunia fesyen.

Di rumah-rumah pula sekarang terdapat kerusi meja moden yang dahulunya tidak terdapat. Bentuk rumahpun mulai

diubah dan dibaiki. Pada akhir kajian terdapat sebuah rumah yang diperbesarkan dan diupah kepada tukang Cina. Ini menunjukkan bahawa pengaruh luar itu telah masuk ke dalam masyarakat itu. Satu perkara yang masih belum lagi diikut ialah pemakaian barang-barang kemas oleh orang-orang perempuan. Mereka masih belum memberikan nilai yang tinggi kepada barang-barang tersebut.

John Dewitt *Malay Society and Nationalism*
 Pada keseluruhannya sedikit sebanyak pengaruh luar telah masuk ke dalam masyarakat itu. Oleh itu tidak boleh dikatakan bahawa masyarakat itu masyarakat yang tertutup. Dari segi perkahwinan sahaja yang masih belum terdapat kaum wanitanya berkahwin dengan lelaki dari luar manakala kaum lelaki telahpun ada berkahwin dengan perempuan-perempuan luar.

H.G. Wolf
1965

Malay National Identity in Malaya. London
School of Economics Monographs on Social
Anthropology. The Athlone Press.

Smith Bensus
1959

Malay National and National Integration. London School of Economics Monographs on Social Anthropology. The Athlone Press.

Minton, R.
1969

The State of Malaya - John Dewitt
London

- The Names and the Definition of
BIBLIOGRAPHY
of the Singapore Journal of the Anthropological
Institute.

Radcliffe Brown, A.R. and Forde, D. (editors)

* 1967

- African System of Kinship and Marriage,
Oxford University Press, London.

John Beattie

1964

- Other Cultures - Routledge & Kegan Paul
Ltd.

Prof.Dr.Koontjaraningrat

1967

- Beberapa Pokok Antropologi Sosial.
Penerbit Dian Rakjat.

* Robin Fox

1967

- Kinship and Marriage
Pelican Books.

Lucy Mair

1968

- An Introduction to Social Anthropology
Oxford University Press.

A Zainal Kling

1969

- Sistem Kekeluargaan di Utara Melaka -
M.A. Thesis (tidak dicetak).

* M.G. Swift

1965

- Malay Peasant Society in Jelebu. London
School of Economics Monographs on Social
Anthropology. The Athlone Press.

Judith Djamour

1959

- Malay Kinship and Marriage in Singapore
London School of Economics. Monographs
on Social Anthropology. The Athlone Press.

Linton, R.

1965

- The Study of Man - Peter Owen.
London.

- Gough, K.
1959 - The Nayars and the Definition of Marriage. Journal of the Anthropological Institute.
- Abang Yusef bin Abang Puteh - Beberapa Segi Adat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Sarawak - Dewan Bahasa & Pustaka.
1964
- Raymond Firth
1969 - Elements of Social Organisation. Tavistock Publications.
- Meyer Fortes
1962 - Marriage in Tribal Societies. Cambridge International Encyclopaedia of the Social Sciences Vol.10.
- Freedman, Maurice
1958 - Lineage Organization in Southeastern China. London School of Economics Monographs on Social Anthropology. The Athlone Press.

DAERAH KUALA PILAH
KECIL BAHAU
ukuran: sa inci = 4 batu

